

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS
2024

HARI ISNIN : 14 OKTOBER 2024

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO. 10 HINGGA NO. 47)

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN AFNAN HAMIMI BIN DATO'HAJI
TAIB AZAMUDDEN
[ALOR SETAR]**

TARIKH : 14 OKTOBER 2024

SOALAN

YB TUAN AFNAN HAMIMI BIN DATO' HAJI TAIB AZAMUDDEN [ALOR SETAR] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan menyatakan perancangan Kementerian untuk mewujudkan pelan pemerksaan keluarga terutama kepada keluarga yang baru memasuki fasa lima tahun pertama perkahwinan dalam kalangan pasangan muda khususnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menyedari kepentingan pengukuhan institusi kekeluargaan sebagai asas pembentukan masyarakat yang sejahtera.
2. Berdasarkan Laporan Perangkaan Perkahwinan dan Perceraian Malaysia 2023, perceraian tertinggi dicatatkan dalam kumpulan umur 35-39 tahun bagi lelaki dan 30-34 tahun bagi perempuan. Mengambil kira purata umur rakyat Malaysia yang memasuki ikatan perkahwinan pada umur antara 27 dan 28 tahun, perangkaan ini menunjukkan perceraian tinggi berlaku pada “keluarga muda” atau “perkahwinan muda”, iaitu di bawah 10 tahun.
3. Dalam usaha memperkasakan institusi keluarga, KPWKM melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga (LPPKN) telah memperkenalkan program-program bersesuaian di pelbagai fasa perkahwinan, iaitu dari sebelum perkahwinan, di awal perkahwinan serta seiring dengan perkembangan keluarga.
4. Bagi pasangan yang ingin mendirikan rumah tangga, kursus pra-perkahwinan yang ditawarkan oleh LPPKN menyasarkan untuk memberi pengetahuan dan kemahiran kepada peserta tentang persediaan sebelum melangkah ke alam perkahwinan.
5. Untuk pasangan yang baru mendirikan rumah tangga, LPPKN turut menyediakan perkhidmatan berhubung perancangan keluarga. Manakala

SOALAN NO. : 10

bagi pasangan yang menghadapi masalah mendapatkan anak, LPPKN menawarkan perkhidmatan rawatan kesuburan.

6. Bagi ibu muda pula, LPPKN ada menyediakan perkhidmatan penjagaan ibu selepas bersalin MamaCare bagi membantu kepulihan kesihatan mereka untuk kembali aktif, termasuklah kembali bekerja. Bagi fasa seterusnya, LPPKN juga menawarkan program keibubapaan anak kecil, khususnya untuk membantu *first time parent* dalam memberi pengetahuan dan kemahiran yang sewajarnya.

7. Kita mengetahui adat dalam perkahwinan, pasangan kadang kala mungkin berhadapan dengan pelbagai dugaan. Dalam membantu pasangan yang memerlukan khidmat sokongan keluarga, LPPKN turut menyediakan khidmat kaunseling perkahwinan bagi membantu pasangan menangani konflik dan krisis rumah tangga. Konflik dan cabaran dalam keluarga boleh meningkat seiring dengan perkembangan keluarga. Dalam hal ini, bagi pasangan dwi kerjaya LPPKN turut menawarkan Kursus Keluarga@Kerja (*Parenting at Work*) bagi membantu mereka mengimbangi keluarga dan kerjaya. Antara tumpuan program ini adalah gaya keibubapaan yang kreatif, pengurusan tekanan serta pengurusan konflik interpersonal.

8. Mengambil kira kadar penceraian di kalangan perkahwinan muda yang tinggi, LPPKN telah membangunkan program tambahan SMARTSTART *2nd Honeymoon*, iaitu program bagi memperkasakan perkahwinan khusus kepada pasangan dengan usia perkahwinan lima tahun dan ke atas.

SOALAN NO. : 10

9. Setiap program yang disediakan untuk pelbagai fasa perkahwinan ini adalah untuk membantu pasangan melengkapkan diri mereka dengan pengetahuan, ilmu, amalan terbaik, perkongsian tip serta menggalakkan sikap keterbukaan dan jujur terhadap diri dan pasangan dalam setiap fasa. Namun, kebahagiaan dan kesejahteraan sesebuah perkahwinan adalah tetap bergantung kepada peranan yang dimainkan oleh pasangan itu sendiri.

10. KPWKM melalui agensinya LPPKN akan terus komited untuk meneruskan agenda pemerkasaan institusi perkahwinan dan keluarga menerusi pelaksanaan pelbagai inisiatif ke arah pembentukan keluarga yang harmoni dan sejahtera selaras dengan acuan masyarakat Malaysia MADANI.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SYAHREDZAN BIN JOHAN [BANGI]

TARIKH : 14 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN SYAHREDZAN BIN JOHAN [BANGI] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan bidang kuasa pihak Kementerian untuk menghalang akses kepada laman sesawang atas sebab pelanggaran hak harta intelek seperti hak cipta serta prosedur yang diguna pakai untuk menghalang akses tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sentiasa memberikan perhatian serius mengenai aktiviti pelanggaran hak harta intelek di negara ini. Perundangan harta intelek yang dikuatkuasakan oleh KPDN di bawah tindakan jenayah adalah termasuk Akta Hak Cipta 1987 [*Akta 332*], Akta Cap Dagangan 2019 [*Akta 815*], Akta Petunjuk Geografi 2022 [*Akta 836*], Akta Paten 1983 [*Akta 291*] dan Akta Cakera Optik 2000 [*Akta 606*].

Kementerian sedar bahawa aktiviti pelanggaran hak harta intelek boleh menimbulkan ancaman kepada pemilik harta intelek mahupun dari segi tugas-tugas penguatkuasaan terutamanya apabila *trend* pelanggaran telah beralih kepada pelanggaran secara dalam talian (*online*) atau melalui laman sesawang berteknologi tinggi dan digunakan secara berleluasa pada waktu ini.

Pelbagai usaha telah dilakukan oleh Kementerian ini untuk memperkasa tindakan penguatkuasaan perlindungan hak harta intelek. Kementerian telah bekerjasama dengan pemunya hak cipta, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan penyedia perkhidmatan internet (ISP) bagi melaksanakan tindakan sekatan laman sesawang (*site blocking*) ke atas laman sesawang yang disyaki mengedarkan kandungan karya hak cipta tanpa kebenaran.

Prosedur yang digunakan untuk menghalang akses (*site blocking*) memerlukan pemilik harta intelek atau pemunya hak cipta menyalurkan aduan pelanggaran hak cipta kepada Pejabat KPND di seluruh negara beserta dokumen pengaduan yang lengkap seperti berikut:-

1. Surat aduan rasmi;
2. Menyenaraikan pautan *link/URL* bagi kandungan hak cipta yang disyaki;
3. Tangkap layar (*screenshot*) laman sesawang penggunaan suatu karya hak cipta tanpa kebenaran atau secara tidak sah; dan
4. Dokumen pemilikan sah hak cipta merujuk kepada peruntukan di bawah seksyen 42 Akta Hak Cipta 1987.

Sekatan akses kepada laman-laman sesawang adalah dilaksanakan di bawah Seksyen 263, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC). Seksyen ini menegaskan agar Pembekal Perkhidmatan Internet (ISP) memberi komitmen sepenuhnya menghalang perkhidmatan yang digunakan oleh mereka untuk sebarang kesalahan, mencegah kelakuan atau percubaan melakukan kesalahan di bawah undang-undang negara.

Kementerian akan terus menjalinkan hubungan kerjasama dengan pemilik harta intelek dan pelbagai agensi penguatkuasaan di negara ini untuk memperkasa tindakan penguatkuasaan perlindungan hak harta intelek.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS (2024)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ
[TANAH MERAH]**

TARIKH : 14 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan jumlah kemasukan pelancong asing mengikut negara ke negara ini sejak Januari hingga Ogos lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi tempoh Januari sehingga Ogos 2024, Malaysia telah merekodkan jumlah kemasukan pelancong asing seramai 16,451,191 (Enam Belas Juta Empat Ratus Lima Puluh Satu Ribu Satu Ratus Sembilan Puluh Satu) orang. Jumlah ini adalah merupakan kenaikan 29.5% jika dibandingkan dengan tempoh sama bagi tahun 2023 iaitu seramai 12,698,863 (Dua Belas Juta Enam Ratus Sembilan Puluh Lapan Ribu Lapan Ratus Enam Puluh Tiga) orang pelancong asing.

2. Lima (5) negara dengan ketibaan pelancong asing tertinggi untuk tempoh dari Januari sehingga Ogos 2024 adalah Singapura iaitu seramai 5,767,160 orang pelancong, diikuti oleh Indonesia seramai 2,399,357 orang pelancong, seterusnya dari China seramai 2,285,785 orang pelancong, Thailand 1,089,164 orang pelancong dan Brunei 785,548 orang pelancong.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]
TARIKH : 14 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan status semasa rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-EU, serta menggariskan prinsip-prinsip utama yang membimbing Kerajaan dalam merundingkan terma-terma tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pada masa ini, Malaysia dan Kesatuan Eropah masih mempertimbangkan kemungkinan untuk menyambung semula rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Kesatuan Eropah (*European Union – EU*) atau MEUFTA yang tergantung sejak tahun 2012. Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri telah membentangkan satu Memorandum Jemaah Menteri pada 25 Ogos 2024 untuk memaklumkan Jemaah Menteri mengenai hasil proses *scoping* yang telah dilaksanakan dari bulan September 2023 sehingga bulan Mac 2024 serta mendapatkan persetujuan Jemaah Menteri berkenaan syor pendirian yang perlu diambil oleh Malaysia ke atas isu-isu yang masih mempunyai perbezaan pendirian yang ketara.

Walaupun terdapat beberapa isu yang masih mempunyai jurang perbezaan pendirian yang besar, secara amnya, proses *scoping* ini telah berjaya mengurangkan jurang perbezaan pendirian antara Malaysia dan EU dalam kebanyakan dasar-dasar berkaitan perdagangan dan pelaburan bersandarkan kepada perkembangan dan kemajuan persekitaran perdagangan dan pelaburan global termasuk pelaksanaan beberapa Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) baru oleh Malaysia seperti Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (*Comprehensive and Progressive Agreement for the Trans-Pacific Partnership – CPTPP*).

Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri telah menyampaikan keputusan Kerajaan kepada pihak EU dan maklumbalas yang bakal diterima dari EU berserta cadangan mengenai halatuju rundingan MEUFTA akan diangkat semula ke Jemaah Menteri untuk pertimbangan sama ada rundingan MEUFTA boleh disambung semula atau tidak.

Secara dasarnya, sekiranya rundingan MEUFTA disambung semula, Kerajaan akan memastikan kepentingan dan kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara berdaulat akan terus terpelihara serta syarikat-syarikat tempatan tidak akan terjejas malah mendapat faedah optimum dari perjanjian ini. Sehubungan dengan ini, terdapat beberapa prinsip-prinsip utama yang dipegang oleh Kerajaan buat masa ini. Antaranya, faedah MEUFTA kepada Malaysia perlulah dilihat secara

SOALAN NO :13

menyeluruh sebelum Kerajaan mempertimbangkan permintaan daripada pihak EU yang melangkaui komitmen sedia ada dibawah FTA lain. Dalam hal ini, selagi mana tiada persetujuan sepenuhnya secara bersama, perjanjian ini tidak akan dimuktamadkan (*nothing is agreed until everything is agreed*).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HAJI KAMAL BIN ASHAARI
[KUALA KRAU]**

TARIKH : 14 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

YB TUAN HAJI KAMAL BIN ASHAARI [KUALA KRAU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan terkini berkenaan cadangan mewajibkan restoran dan syarikat makanan memiliki sijil halal.

JAWAPAN

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI
MOKHTAR
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan telah membentangkan isu berkaitan pensijilan Halal dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 18 September 2024. Jemaah Menteri telah bersetuju untuk **mengekalkan dasar sedia ada** iaitu **permohonan Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM)** yang dilaksanakan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Majlis Agama Islam Malaysia (MAIN)/ Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) adalah **bersifat sukarela** sejak ia mula dilaksanakan pada tahun 1974 dan perkara ini telah diperkukuhkan melalui Akta Perihal Dagangan 2011.
2. Dasar sedia ini ini bermaksud bahawa dasar ini adalah terbuka kepada mana-mana industri yang bersedia mematuhi semua keperluan, piawaian dan standard pensijilan halal Malaysia.
3. Pemilikan SPHM memberikan nilai tambah kepada bukan sahaja kepada industri tetapi juga kepada pengguna kerana sijil halal itu sendiri merupakan satu jaminan bahawa produk atau premis makanan tersebut adalah halal dan toyyiban.

NO. SOALAN: 14

4. Kenyataan media mengenai perkara ini juga telah dijelaskan oleh YAB Dato' Seri Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri merangkap Pengerusi Majlis Pembangunan Industri Halal (MPIH) pada 18 September 2024.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS, TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN WONG SHU QI
(KLUANG)**

TARIKH : 14 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

YB PUAN WONG SHU QI [KLUANG] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan langkah yang diambil bagi membolehkan warga emas menua di tempat memandangkan Bank Dunia menjangkakan Malaysia mencapai taraf negara tua pada tahun 2044.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) berpegang dengan pendirian bahawa penjagaan terbaik kepada warga emas adalah bersama keluarga. Oleh itu, KPWKM sentiasa memberi penekanan kepada prinsip Penjagaan Berasaskan Keluarga dan menerapkan konsep Penuaan Setempat. Dalam hal ini, Kerajaan melalui Dasar Warga Emas Negara berusaha untuk memberi sokongan kepada keluarga dan masyarakat untuk menjaga ibu bapa mereka yang sudah berumur di tempat yang selesa bagi menyumbang kepada peningkatan kualiti hidup warga emas.

2. KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan bantuan kewangan bulanan seperti Bantuan Warga Emas (BWE) dan Bantuan Penjagaan Pesakit Kronik Terlantar (BPT) kepada yang layak dengan objektif untuk membantu mengekalkan mereka bersama keluarga. Dari 1 Januari hingga 31 Ogos 2024, kerajaan telah menyalurkan RM601 juta kepada lebih 151,000 orang penerima BWE dan RM116 juta kepada hampir 29,000 orang penerima BPT.

3. Bagi membantu warga emas yang hidup bersendirian di rumah, JKJ turut melaksanakan Program Khidmat Bantu Di Rumah (KBDR). Melalui program ini, sukarelawan KBDR akan melawat dan membantu dari segi keperluan harian seperti mengemas rumah, membeli barang keperluan asas dan menemani warga emas dalam urusan janji temu di hospital. Pada masa ini, lebih 6,000 warga emas menerima manfaat daripada program ini melibatkan hampir 2,300 orang sukarelawan KBDR.

4. Menyedari keperluan warga emas untuk tinggal dengan sejahtera dalam komuniti, KPWKM telah menubuhkan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE). Sehingga kini, sebanyak 164 buah PAWE sedang beroperasi di seluruh Malaysia yang memberi manfaat kepada lebih daripada 50,000 warga emas. Inisiatif ini merupakan satu perkhidmatan bercorak penjangkauan sosial dan pembangunan warga emas berteraskan konsep Organisasi Berasaskan Komuniti yang dikendalikan oleh badan bukan

SOALAN NO: 15

kerajaan dengan kerjasama strategik KPWKM. Penubuhan PAWE adalah bagi menggalakkan penuaan yang aktif dan produktif dalam kalangan warga emas dengan melibatkan penyertaan komuniti setempat.

5. Sementara itu, bagi warga emas yang tiada waris dan tidak mampu menjaga diri sendiri pula, Rumah Seri Kenangan (RSK) di bawah kendalian JKM memberikan perkhidmatan psikososial seperti jagaan, perlindungan, kerohanian, bimbingan dan kaunseling, rekreasi, rawatan perubatan, terapi cara kerja, fisioterapi dan perkhidmatan yang bersesuaian demi kesejahteraan mereka.

6. Kesimpulannya, inisiatif dan langkah yang diambil bagi menerapkan konsep Penuaan Setempat bukanlah hanya terletak di bahu Kerajaan semata-mata, tetapi ia adalah peranan yang perlu dimainkan bersama oleh semua pihak, khususnya ahli keluarga sendiri dan komuniti. Justeru, KPWKM sentiasa mengalu-alukan kerjasama semua pihak dan akan sentiasa menyokong pihak yang memerlukan agar prinsip Penjagaan Berasaskan Keluarga hidup di dalam hati dan diamalkan oleh rakyat Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HAJAH SITI ZAILAH BINTI
MOHD YUSOFF
[RANTAU PANJANG]**

TARIKH : 14 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN:

**YB DATO' HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [RANTAU
PANJANG]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :

- (a) persiapan Kerajaan dalam menghadapi musim banjir di seluruh negara; dan
- (b) perancangan Kerajaan sekiranya berlaku banjir besar di luar jangka sebagaimana yang telah berlaku di beberapa negara.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI,
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEMAJUAN DESA
DAN WILAYAH**

**Persiapan Kerajaan dalam menghadapi musim banjir di seluruh
negara**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagai persediaan menghadapi ketidakpastian keadaan cuaca semasa dan untuk menghadapi musim MTL 2024/2025 serta memastikan semua pihak yang berkaitan berada pada tahap siap siaga yang optimum pada setiap masa, Kerajaan telah mengambil tiga langkah berikut:

a) Pra Bencana

- i. Melaksanakan program simulasi dan sesi libat urus di seluruh negara bagi memantapkan persediaan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN), Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD), Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB), Pos Kawalan Tempat Kejadian (PKTK) dan agensi-agensi tindak balas melalui program simulasi dan sesi libat urus di seluruh negara;
- ii. Melaksanakan program *Community-Based Disaster Risk Management* (CBDRM) di seluruh negara untuk meningkatkan kesedaran awam terhadap bencana serta peranan mereka sebagai *initial responder* sebagai salah satu langkah pelan tindakan kecemasan bagi memastikan keselamatan mangsa banjir diutamakan dan meminimumkan kehilangan harta benda;
- iii. Dari aspek pemantauan dan amaran awal, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah mengemaskini dan mengenalpasti

sebanyak **5,648 lokasi hotspot banjir** di seluruh negara bagi menangani serta mengurangkan risiko banjir yang akan datang dengan pelaksanaan segera:

- a. Kerja-kerja penyelenggaraan sungai, kolam takungan banjir dan infrastruktur di seluruh negara dilaksanakan secara sempurna dan berkala;
- b. Pengaktifan Bilik Kawalan Operasi Pusat Ramalan dan Amaran Banjir (PRABN) untuk beroperasi 24 jam dalam memberi ramalan dan amaran banjir kepada orang awam dan semua pihak berkaitan;
- c. Penempatan **737 pam** bergerak di semua lokasi hotspot banjir seluruh negara; dan
- d. Menaik taraf stesen siren amaran banjir dan stesen kamera web bagi tujuan ramalan dan amaran banjir;

b) Persediaan Tindak Balas Bencana

- i. Jawatankuasa Pengurusan Bencana di setiap Negeri dan Daerah diminta untuk melaksanakan koordinasi persediaan lebih awal (melalui mesyuarat dan sebagainya) meliputi antara lain:
 - a. Mewujudkan pelan pengurusan bencana meliputi tindakan-tindakan yang perlu diambil sebelum, semasa dan selepas berlakunya bencana;
 - b. Mengenal pasti lokaliti hotspot banjir;
 - c. Menyelaras dan melaksanakan kerja-kerja mitigasi seperti penyelenggaraan sistem perparitan, pembaikan, *retrofitting*, dan sebagainya serta sistem amaran awal;

NO. SOALAN: 16

- d. Inventori aset dan sumber manusia meliputi agensi kerajaan, majlis daerah dan badan-badan sukarelawan;
 - e. Penyelenggaraan aset;
 - f. Mengadakan simulasi dan latihan amal bersepadu yang turut melibatkan komuniti sebagai initial responder;
 - g. Pembangunan kapasiti pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana dan Komander PKTK yang turut meliputi aspek komunikasi krisis;
 - h. Persediaan Pusat-Pusat Pemindahan Sementara (PPS), depoh, pangkalan hadapan dan bekalan sokongan;
 - i. Penyelarasan bersama NGO tempatan; dan
 - j. Melaksanakan aktiviti *communication*, *education* dan *public awareness* (CEPA) kepada orang ramai untuk bersama-sama bersedia menghadapi kemungkinan berlakunya banjir dan bersiap siaga untuk bertindak; dan
- ii. Untuk makluman Yang Berhormat, secara keseluruhannya di seluruh negara, seramai **82,794 pegawai dan anggota** pelbagai cabang agensi Kerajaan di semua peringkat berada dalam keadaan bersiap siaga sepenuhnya dengan sokongan **37,127 unit pelbagai aset** melibatkan:
- a. 2,031 unit bot penyelamat;
 - b. 1,399 unit jentera kenderaan 4x4;
 - c. 1,646 unit jentera kenderaan berat;
 - d. 31 unit helikopter;
 - e. 30,260 unit jaket keselamatan pelbagai saiz untuk kegunaan mangsa; dan
1,760 unit jambatan panel keluli bermodular.

- iii. Selain itu, bagi memastikan keselesaan dan kebajikan mangsa banjir, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah bersedia untuk mengaktifkan **8,481 Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di seluruh negara** yang mempunyai kapasiti untuk **menempatkan 2,158,743 mangsa di seluruh negara**;

c) Penyelarasan Pasca Bencana

- i. Penambahbaikan mekanisme penyelarasan pasca bencana meliputi bantuan awal, pembersihan, dan bantuan-bantuan pasca bencana kepada mangsa (termasuk bantuan kewangan dan pembaikan segera kerosakan infrastruktur). Ini termasuk meningkatkan kerjasama antara JPBN dan JPBD bersama NGO dan Sukarelawan berkaitan penyelarasan bantuan;
2. Selain itu, sebagai persiapan menghadapi bencana di seluruh negara, NADMA telah menyalurkan peruntukan bantuan bencana berjumlah **RM232 juta** kepada semua negeri bagi tujuan diagihkan kepada Ketua Isi Rumah mangsa bencana yang terjejas dan memenuhi syarat-syarat kelayakan yang telah ditetapkan.

Perancangan Kerajaan sekiranya berlaku banjir besar di luar jangka sebagaimana yang telah berlaku di beberapa negara

Tuan Yang di-Pertua,

3. Bagi memastikan tindakan seberapa segera diambil apabila berlakunya sebarang kejadian bencana termasuk banjir besar, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP) pada 3 Oktober 2024 telah mengarahkan supaya JPBD diaktifkan dan peranannya di semua lokasi bencana diperkasakan. Di samping itu, semua JPBN dan JPBD juga diarahkan bersedia lebih awal untuk memastikan bantuan bekalan sampai ke lokasi yang terlibat bagi mengelakkan keadaan lebih sukar sekiranya jalan terputus dan sebagainya.

NO. SOALAN: 16

4. Bagi memastikan pengarah turun dengan lebih cepat ke lapangan, satu *High Level Committee* (HLC) telah dibentuk semenjak MTL 2023/2024 bagi memperincikan gerak kerja tindak balas bencana yang lebih terselaras.
5. NADMA bersedia untuk menyalurkan peruntukan tambahan sekiranya diperlukan mengikut permohonan oleh negeri berdasarkan jumlah sebenar Ketua Isi Rumah yang terjejas akibat bencana.
6. Semua perancangan ini akan diperhalusi dari semasa ke semasa oleh pihak Kerajaan. Selaras dengan matlamat pengurusan bencana adalah tanggungjawab bersama, Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, komuniti, NGO dan pelbagai pihak yang lain hendaklah berganding bahu bagi memastikan pelaksanaannya kelak adalah menyeluruh.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN EDWIN ANAK BANTA [SELANGAU]

TARIKH : 14 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

Tuan Edwin anak Banta [Selangau] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan usaha yang dilakukan oleh Kementerian untuk menangani kenaikan kos sara hidup di seluruh negara, khususnya bagaimana langkah-langkah tersebut ditujukan untuk membantu golongan B40.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Menyedari bahawa isu kos sara hidup ini merentasi bidang tugas pelbagai Kementerian dan agensi, lalu KPDN diberikan mandat untuk menyelaras perkara-perkara yang berkaitan dengan kos sara hidup melalui Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) yang merupakan platform utama Kerajaan dalam merangka dasar, hala tuju dan strategi yang memerlukan pendekatan *whole of nation* approach bersama Kementerian dan Agensi-agensi lain yang mempunyai tanggungjawab yang sama dalam menstabil serta meringankan beban kos sara hidup rakyat.

Sehubungan itu, Kerajaan komited serta bersungguh-sungguh untuk meningkatkan kuasa beli terutama kepada golongan M40 dan B40 yang menjadi perkara pokok dalam isu kos sara hidup dengan menaikkan lantai ataupun meningkatkan pendapatan individu dan isi rumah melalui penetapan dan pelaksanaan dasar yang menyeluruh.

Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat, beberapa strategi jangka panjang yang dilaksanakan Kerajaan adalah seperti berikut:

1. Memperkenalkan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA);
2. Dasar Gaji Progresif bagi pemberian upah dan gaji yang adil;
3. Melaksanakan Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR);
4. Semakan Perintah Gaji Minimum dari semasa ke semasa;

Selain itu, sebagai usaha Kerajaan dalam memastikan kesejahteraan rakyat terjamin, pelbagai inisiatif telah dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan seperti berikut:

1. Memperluaskan Program Jualan RAHMAH MADANI (PJRM);
2. Memperluaskan Program Jualan Agro Madani;
3. Sumbangan Tunai Rahmah (STR) maksimum RM2,500;
4. Sumbangan Asas Rahmah (SARA) maksimum RM1,200;
5. Bantuan Awal Persekolahan (BAP) RM150 setiap murid;
6. Memperkenalkan BUDI Individu RM200 sebulan secara tunai;

7. Memperkenalkan BUDI MySubsidi Diesel
8. Kawalan Harga Barangan Bersubsidi;
9. Kawalan Harga Tanpa Subsidi;
10. Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP);
11. Penyeragaman Harga Sabah, Sarawak dan Labuan (PPHSSL);
12. Pengedaran Barang Perlu, LPG dan Community Drumming; dan
13. Kad Diskaun Khas Menu RAHMAH MADANI.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui KPDN juga telah mengambil inisiatif yang proaktif dengan memperhebatkan lagi aktiviti penguatkuasaan dalam membendung peniaga yang tidak bertanggungjawab melalui pelaksanaan OPS KESAN 2.0 bagi memantau pergerakan harga barang dan perkhidmatan bagi mengambil tindakan serta merta sekiranya terdapat peniaga yang didapati menaikkan harga pada kadar yang tidak munasabah terutama kepada mereka yang telah mendapat manfaat dari penyasaran subsidi diesel dan juga kepada peniaga yang sememangnya tidak layak menerima subsidi diesel sebelum pelaksanaannya.

KPDN juga mempunyai beberapa akta yang boleh digunakan untuk menguatkuasakan kawalan ke atas harga barangan, iaitu:

1. Akta Kawalan Bekalan 1961 [Akta 122] yang memberikan kuasa kepada KPDN untuk memastikan bekalan barangan keperluan sentiasa stabil dan mencukupi;
2. Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 [Akta 723] pula memberi kuasa kepada KPDN untuk memastikan harga barangan yang dijual sentiasa berpatutan; dan
3. Pelbagai OPS telah dan sedang dilaksanakan: OPS CATUT, OPS TERJAH, OPS TIRIS, OPS MENU, OPS PASAR dan OPS SAMAR.

Pada masa yang sama, KPDN juga terus meningkatkan aktiviti penguatkuasaan dalam aspek mengekang gejala anti persaingan dalam pasaran melalui peruntukan di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712]. KPDN memandang serius elemen-elemen kartel dalam apa jua bentuk sama ada pakatan harga, pakatan pasaran, pakatan pengeluaran dan

NO. SOALAN : 17

tipuan bida yang mempengaruhi harga barang dan perkhidmatan yang ditawarkan kepada rakyat.

KPDN juga terus komited dalam menjalankan pemantauan harga barang yang dilaksanakan oleh 1,000 Pegawai Pemantau Harga (PPH) KPDN di seluruh negara melibatkan hampir 1,600 premis. Sekiranya terdapat kenaikan harga yang mendadak dan tidak munasabah, perkara tersebut akan disiasat di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 [Akta 723].

Kerajaan melalui KPDN terus komited memastikan seluruh rakyat dilindungi dan tidak terbeban dengan peningkatan kos sara hidup.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ALI ANAK BIJU [SARATOK]

TARIKH : 14 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATUK ALI ANAK BIJU [Saratok] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perincian mengenai 4 tuntutan yang belum dipersetujui dalam MA 1963 meliputi sempadan laut, royalti minyak, duti setem dan tuntutan satu pertiga kerusi Parlimen mewakili Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN

**YAB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN
MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tuntutan berkaitan pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) merupakan antara agenda yang diberikan penekanan utama Kerajaan Perpaduan di bawah pentadbiran YAB Perdana Menteri Kesepuluh untuk diselesaikan dengan segera. Kerajaan akan terus komited dalam memastikan perkara-perkara yang termaktub dalam Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) diselesaikan mengikut Perlembagaan Persekutuan dan kerangka undang-undang sedia ada.

2. Sejak Januari 2023, Kerajaan Persekutuan telah menambah baik platform perundingan mengenai MA63 kepada Majlis Tindakan Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MTPMA63) yang dipengerusikan sendiri oleh YAB Perdana Menteri. Selain itu, Jawatankuasa Teknikal yang dipengerusikan oleh saya sendiri juga telah ditubuhkan di bawah MTPMA63.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, tuntutan mengenai sempadan laut, royalti minyak, duti setem dan tuntutan satu pertiga kerusi Parlimen mewakili negeri Sabah dan Sarawak juga merupakan sebahagian daripada agenda yang telah dibincangkan dalam Mesyuarat MTPMA63 Bilangan 1 Tahun 2024 pada 12 September 2024 yang lalu di antara Kerajaan Persekutuan bersama Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak.

NO. SOALAN : 18

4. Mesyuarat tersebut antara lain telah bersetuju dan memutuskan beberapa perkara seperti berikut:

- a) Supaya tuntutan melibatkan Mineral Minyak dan Medan Minyak, Akta Laut Wilayah 2012 (Akta 750), Hak Negeri Ke Atas Pelantar Benua dan Royalti Minyak dan Pembayaran Tunai Petroleum dibincangkan oleh kepimpinan peringkat tertinggi Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak;
- b) Supaya Jabatan Peguam Negara mengadakan perbincangan bersama Jabatan Peguam Besar Negeri Sabah dan Jabatan Peguam Besar Negeri Sarawak bagi meneliti semula tuntutan berhubung pertambahan Ahli Dewan Rakyat dari negeri Sabah dan Sarawak dari sudut perundangan; dan
- c) Supaya tuntutan mengenai duti setem dibincangkan dalam forum yang berasingan memandangkan ia melibatkan tafsiran undang-undang dan memerlukan penelitian semula oleh pihak-pihak yang berkenaan.

5. Sebagai tambahan, berhubung isu minyak dan gas di Sabah dan Sarawak, penyelesaian secara komersial telah dipersetujui di antara PETRONAS bersama dengan Kerajaan Negeri Sarawak dan Kerajaan Negeri Sabah. Hasilnya, Perjanjian Penyelesaian Komersial (*Commercial Settlement Agreement*) antara Kerajaan Negeri Sarawak dengan PETRONAS telah ditandatangani pada tahun 2020, manakala Perjanjian Penyelesaian Komersial (*Commercial Collaboration Agreement*) antara Kerajaan Negeri Sabah dengan PETRONAS telah ditandatangani pada tahun 2021.

NO. SOALAN : 18

6. Kerajaan Persekutuan akan terus memantau kemajuan perbincangan mengenai tuntutan-tuntutan ini bagi memastikan penyelesaian bersama antara Kementerian/ Agensi berkaitan serta Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak dapat dicapai.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM
(SUNGAI SIPUT)**

TARIKH : 14 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

**YB TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM [SUNGAI SIPUT] minta
MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI menyatakan apakah
jangkaan limpahan ekonomi kepada negara dengan pelaksanaan
pembangunan teknologi dan ekonomi hidrogen di Malaysia.**

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pelan Hala Tuju Ekonomi dan Teknologi Hidrogen (HETR) akan meletakkan Malaysia dalam kalangan negara peneraju dalam peralihan ke tenaga boleh diperbaharui, khususnya hidrogen, di rantau ini.
2. HETR menyasarkan pendapatan sebanyak RM12 bilion menjelang 2030 dan dijangka menyumbang antara RM49 bilion hingga RM61 bilion kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Selain menyumbang kepada pengurangan pelepasan gas rumah hijau (GHG) dalam negara sehingga 15% menjelang tahun 2050, pelaksanaan HETR diunjurkan dapat mewujudkan lebih 45,000 peluang pekerjaan pada tahun 2030 dan meningkat sehingga 200,000 pada tahun 2050.
3. Sejar dengan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (New Industrial Master Plan – NIMP), peralihan kepada ekonomi hidrogen mampu meningkatkan keupayaan perindustrian dan prestasi eksport Malaysia merentasi pelbagai sektor, termasuk tenaga bersih. Negeri Sarawak sedang membangunkan infrastruktur penjanaan hidrogen hijau berskala besar dengan kerjasama Gentari, sebuah syarikat milik penuh PETRONAS. Infrastruktur Hab Hidrogen Sarawak yang diunjurkan mula beroperasi pada tahun 2028 akan menyaksikan penghasilan sejumlah 240,000 tan hidrogen hijau setahun dan menjadikan Sarawak dalam kalangan pengeluar terbesar tenaga bersih di dunia.
4. Sejumlah 2,000 tan hidrogen yang dihasilkan oleh Hab Hidrogen Sarawak diunjurkan untuk kegunaan domestik. Pelaburan dalam Projek Sistem Pengangkutan Bandar Kuching (*Kuching Urban*

SOALAN NO : 19

Transportation System – KUTS) dan Sistem Transit Pantas Autonomi (*Autonomous Rapid Transit* – ART) akan menjana kesan limpahan ekonomi yang besar dalam membuka koridor pertumbuhan baharu, meminimumkan kesesakan lalu lintas, seterusnya meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat di ibu kota Sarawak.

5. MOSTI sedang giat melaksanakan inisiatif projek demonstrasi Stesen Pengisian Semula Hidrogen Mudah Alih (*Mobile Hydrogen Refueling Station* – MHRS) di Putrajaya. Projek ini melibatkan kerjasama NanoMalaysia Berhad (NMB), PETRONAS, UMW Corporation Sdn Bhd, UMW Toyota Sdn Bhd dan *Malaysia Green Technology and Climate Change Corporation* (MGTC). Projek ini menyokong *Low Carbon Mobility Blueprint 2021-2030* (LCMB) yang dijangka dapat memacu pembangunan ekosistem dan ekonomi mobiliti tempatan di peringkat hulu dan hiliran rangkaian sektor automotif serta pengangkutan yang berasaskan sel bahan api hidrogen.
6. Permintaan tenaga bersih turut merangkumi penjanaan hidrogen hijau atau hidrogen rendah karbon, pada skala yang lebih kecil. Sarawak baru-baru ini telah melancarkan Fasiliti Pemasangan dan Pengedaran Elektrolizer (*Electrolyzer Assembly-Distribution Facility* – SEA-DF) yang pertama seumpamanya di rantau ASEAN. MOSTI melalui NanoMalaysia Berhad turut membangunkan teknologi tempatan penjanaan hidrogen secara *solid-state*. Dua projek rintis sedang berjalan di bawah program Ekonomi MADANI di negeri Perak dan Kampung Angkat Madani di negeri Johor bagi penempatan sistem HyPEReactor. Dua projek di atas berpotensi membangunkan syarikat pemula (*startup*) serta industri kecil dan sederhana dalam sektor bekalan dan perkhidmatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI
[PASIR MAS]**

TARIKH : 14 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI [PASIR MAS] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

- (a) status terkini penggubalan RUU Pendanaan Politik serta sesi libat urus bersama pihak berkepentingan setakat ini; dan
- (b) perincian berhubung kajian yang dilaksanakan termasuk had skop bayaran sumbangan individu atau parti politik serta ketetapan tentang pendanaan awam untuk parti-parti politik.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 8 September 2023 antara lain telah bersetuju agar skop dasar bagi Rang Undang-Undang Sumbangan Politik (RUU) ini dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan Khas (JKPK) Hak Asasi Manusia, Pilihan Raya dan Reformasi Institusi di Dewan Rakyat. Keperluan rujukan ini adalah dengan mengambilkira keprihatinan YAB Perdana Menteri semasa Mesyuarat Jemaah Menteri tersebut agar penggubalan RUU ini tidak dilakukan secara tergesa-gesa, sebaliknya diperhalusi dengan berhati-hati bagi mengelakkan sebarang implikasi negatif.
2. Dalam hal ini, cadangan parameter dan dasar telah dibentangkan kepada JKPK pada 9 November 2023 berdasarkan RUU yang disediakan oleh Pusat Governans, Integriti, dan Anti Rasuah Nasional (GIACC) yang kini dikenali sebagai Bahagian Perancangan Governans Nasional, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).
3. Melalui beberapa siri mesyuarat JKPK yang telah diadakan, Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia (KRPPM) – Pendanaan Politik di Malaysia, telah mencadangkan beberapa parameter dan dasar baharu (yang turut merangkumi had skop bayaran sumbangan individu atau parti politik serta ketetapan tentang pendanaan awam untuk parti-parti politik) untuk dimasukkan dalam RUU ini.
4. Parameter dasar yang baharu ini belum dimuktamadkan dan kini berada dalam pertimbangan JKPK. Sesi libat urus dengan pihak berkepentingan akan diadakan setelah parameter dan dasar RUU Sumbangan Politik dimuktamadkan oleh JKPK sebelum ianya dibentangkan di Kabinet.

Sekian, terima kasih.

**PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS (2024)**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI HAJI AMINUDDIN BIN HARUN
[PORT DICKSON]**

TARIKH : 14 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun [Port Dickson] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah usaha yang diambil Kementerian untuk memelihara dan mempromosikan warisan adat budaya Malaysia dan bagaimana Kementerian menyokong aktiviti seni dan adat budaya tempatan

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) dan Jabatan Warisan Negara (JWN) giat melaksanakan pelbagai inisiatif untuk memelihara dan mempromosikan warisan adat budaya Malaysia melalui langkah-langkah seperti berikut:

- i. Usaha memulihara, memelihara dan melindungi warisan negara dengan mewartakan warisan kebudayaan ketara dan tidak ketara sebagai Warisan Kebangsaan, serta memberi pengiktirafan kepada Tokoh Orang Hidup (WAKOH) di bawah peruntukan Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645].
- ii. Pelaksanaan lima (5) pementasan Panggung Seni Tradisional (PST). Salah satu PST pada tahun ini adalah mengangkat persembahan Randai yang bertajuk “Kobau Den Lopeh” pada 4 dan 5 Oktober 2024 di Auditorium Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Kuala Lumpur berkaitan Adat Perpatih.
- iii. Sebanyak 11 penyelidikan dihasilkan oleh JKKN dari tahun 2022 hingga 2024. Antara penyelidikan berkaitan Negeri Sembilan ialah “Tradisi Bersandoi Dalam Pengambilan Madu Lebah” yang telah diterbitkan secara digital dan penyelidikan “Ibu Soko Dalam Adat Orang Asli Temuan Negeri Sembilan”.
- iv. Penganjuran Citra Malaysia (COM) di seluruh Malaysia. Pada 3 Ogos 2024, JKKN melaksanakan COM di Dataran Nilai, Negeri Sembilan yang mempersembahkan tarian serta muzik tradisional Negeri Sembilan iaitu Tarian Piring Lambung, Tarian Tumbuk Kalang dan Muzik Tradisional Negeri Sembilan.
- v. Penganjuran Festival Merakytakan Seni Budaya “Olek Godang Seni Budaya” pada 29 September hingga 1 Oktober 2023 di Ladang Alam Warisan, Seri Menanti, Negeri Sembilan.

- vi. Penggunaan teknologi dan platform digital dalam mempromosikan warisan, adat, dan budaya Malaysia melalui media sosial serta portal seperti Pemetaan Budaya.
 - vii. Dana sebanyak RM25 juta telah diperuntukkan kepada persatuan dan syarikat berasaskan seni, budaya, dan warisan pada tahun 2024. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM810,000.00 telah disalurkan kepada 15 NGO dan syarikat seni bagi melaksanakan program seni, budaya dan warisan di Negeri Sembilan.
2. MOTAC sentiasa terbuka dalam menerima apa-apa cadangan penambakan daripada pihak Yang Berhormat demi memelihara dan mempromosikan warisan adat budaya Malaysia untuk masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN ROSLAN BIN HASHIM
[KULIM-BANDAR BHARU]
TARIKH : 14 OKTOBER 2024 (ISNIN)

Y.B. Tuan Roslan bin Hashim [KULIM-BANDAR BHARU] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan berapa jumlah pelaburan yang telah direalisasikan setakat ini daripada anggaran pelaburan berjumlah RM170 bilion dalam misi Perdagangan dan Pelaburan (TIM) ke Republik Rakyat China pada tahun lalu beserta butiran pelaburan terbabit.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Bagi tempoh 2023 hingga separuh pertama 2024, pelaburan daripada Republik Rakyat China (RRC) yang diluluskan dalam sektor perkilangan di bawah seliaan Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) berjumlah RM17.9 bilion. Pelaburan ini melibatkan sebanyak 110 projek yang diluluskan dan akan menjana sejumlah 14,343 peluang pekerjaan baharu. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 54 projek (49.1%) dengan jumlah pelaburan sebanyak RM3.8 bilion telah direalisasikan dan mewujudkan sebanyak 5,303 pekerjaan.

Ini merupakan pencapaian yang memberangsangkan memandangkan pelaksanaan projek perkilangan yang diluluskan secara lazimnya mengambil masa 18 hingga 24 bulan untuk direalisasikan bergantung kepada skala projek dan keadaan ekonomi semasa. Projek yang telah direalisasikan adalah merujuk kepada projek yang telah memulakan operasi, sedang dalam pembinaan bangunan atau kilang atau sedang dalam pemasangan mesin dan peralatan.

Kerajaan, melalui MITI dan MIDA sentiasa memudahcara syarikat-syarikat berpotensi dari RRC bagi memastikan keputusan pelaburan dapat dimuktamad untuk kelulusan dan seterusnya direalisasikan.

Pelbagai platform telah diwujudkan dalam memastikan projek-projek dapat dipermudah dan direalisasikan secepat mungkin. Sebagai contoh, antara inisiatif di MIDA adalah menerusi penubuhan Invest Malaysia Facilitation Centre (IMFC) yang menempatkan pelbagai kementerian dan agensi berkaitan di bawah satu bumbung dalam memberi khidmat nasihat, memudahcara dan mempercepatkan kelulusan-kelulusan yang berkaitan. Manakala Pejabat Pelaksanaan Projek dan Fasilitasi (TRACK) melaksanakan pemantauan projek-projek pelaburan. Selain itu, Mesyuarat Jawatankuasa Koordinasi Pelaburan (Investment Coordination Committee Meeting - ICCM), yang menyelaras kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, khususnya

SOALAN NO: 22

dalam memperkukuh ekosistem perniagaan dan perindustrian telah diaktifkan semula mulai tahun 2023.

Di samping itu, penekanan terhadap pelaksanaan projek juga dicerminkan menerusi penubuhan Jawatankuasa Tindakan Penyelarasan Pelaburan dan Perdagangan (JTPPP) yang khususnya berperanan memantau pelaksanaan projek pelaburan yang berimpak, berteknologi dan berkualiti, serta menangani isu dan cabaran yang dihadapi oleh para pelabur sejak permohonan awal sehingga kepada pelaksanaan projek pelaburan. Status projek-projek ini juga dimaklumkan dalam Mesyuarat Majlis Pelaburan Negara (MPN) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri.

Kementerian ini akan terus proaktif dan responsif dalam memberikan nasihat dan sokongan kepada bakal pelabur bagi memastikan projek-projek yang berpotensi dapat dimudahcara dan dilaksanakan dengan jayanya secara teratur dan berkesan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN PANG HOK LIONG
[LABIS]**

TARIKH : 14 OKTOBER 2024

SOALAN

TUAN PANG HOK LIONG [LABIS] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Kerajaan akan melantik Ketua Hakim Malaya yang baharu memandangkan jawatan tersebut telah dibiarkan kosong sejak hujung bulan Februari tahun ini.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Tatacara pemilihan bagi mengisi kekosongan jawatan Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya hendaklah mengikut Perlembagaan Persekutuan khususnya Perkara 122B Perlembagaan Persekutuan, Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 [*Akta 695*] dan Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (Proses Pemilihan dan Keadah Pelantikan Hakim-Hakim Mahkamah Atasan) 2009 [*P.U. (A) 209/2009*].

2. Proses pemilihan bagi mengisi kekosongan jawatan kini berada dalam tindakan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (SPK) yang menjalankan fungsi dan tatacara yang diperuntukkan di bawah undang-undang sebagaimana dinyatakan di atas.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN ZULKIFLI BIN ISMAIL
[JASIN]**

TARIKH : 14 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

YB TUAN ZULKIFLI BIN ISMAIL [JASIN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perincian mengenai kajian menyeluruh yang telah dijalankan terhadap aspek pertindihan kuasa jenayah Mahkamah Syariah menerusi Jawatankuasa Khas Mengkaji Kompetensi Dewan Undangan Negeri untuk Menggubal Undang undang Islam.

JAWAPAN

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI
MOKHTAR
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan mengenai perkara ini telah pun dibangkitkan beberapa kali sebelum ini semasa Mesyuarat Pertama iaitu antaranya pada 21 Mac 2024, 27 Mac 2024 dan 2 April 2024 dan Mesyuarat Kedua antaranya pada 27 Jun 2024 dan 3 Julai 2024 yang lalu.
2. Sebagaimana yang dimaklumi, dengan tertubuhnya Jawatankuasa Khas Mengkaji Isu Berkaitan Dengan Kompetensi Dewan Undangan Negeri (DUN) Untuk Menggubal Undang-Undang Islam ("Jawatankuasa Khas"), suatu kajian yang mendalam dan kritikal akan dibuat tentang isu kompetensi Dewan Undangan Negeri untuk menggubal undang-undang Islam serta bidang kuasa Mahkamah Syariah sebagaimana yang diperuntukkan di bawah butiran 1, Senarai II-Senarai Negeri, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan.
3. Taklimat gerak kerja yang terkini Jawatankuasa Khas telah dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwat Agama Islam Malaysia (MKI) Kali ke-72 pada 23 Ogos 2024.

4. Mesyuarat Jawatankuasa Khas ini diadakan secara berkala dan setakat ini sebanyak tiga puluh dua (32) kali mesyuarat telah dilaksanakan.
5. Untuk makluman dewan yang mulia ini, bagi memastikan kajian yang komprehensif dibuat, sesi libat urus dengan pihak-pihak berkepentingan telah pun dibuat dari semasa ke semasa. Setakat ini antara sesi libat urus yang dibuat melibatkan Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia, Mufti Negeri, Majlis Agama Islam Selangor, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Jabatan Mufti Negeri Sembilan, Jabatan Kehakiman Negeri Sarawak dan pakar perundangan dan perlembagaan. Sesi libat urus bersama individu, institusi atau agensi lain juga akan dilaksanakan sekiranya terdapat keperluan dari semasa ke semasa.
6. Pendekatan sedemikian secara tidak langsung dapat membantu Jawatankuasa Khas untuk melihat semua aspek yang berkaitan secara holistik sama ada daripada aspek Perlembagaan Persekutuan, perundangan sivil dan Syariah termasuklah Hukum Syarak bagi memastikan laporan kajian yang komprehensif dapat dihasilkan.
7. Setakat ini, Jawatankuasa Khas dalam peringkat akhir penyediaan laporan dan merumus semua cadangan serta pengesyoran sebelum dibentangkan kepada Mesyuarat MKI dan MRR untuk perkenan dan seterusnya dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]

TARIKH : 14 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan masalah kenaikan harga jualan simen yang meningkat mendadak dan impak kepada industri pembinaan. Apakah gejala ini disebabkan oleh monopoli, dominasi syarikat besar atau masalah kartel.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) secara umumnya tidak mengawal harga semua barangan melainkan barangan keperluan tertentu yang juga merupakan barang kawalan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan barangan keperluan utama pada musim-musim perayaan tertentu.

Kerajaan mempunyai perundangan bagi mengawal kenaikan harga secara melampau iaitu Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011, yang melarang mana-mana peniaga dari membuat keuntungan tinggi yang tidak munasabah (mencatut) semasa membuat penetapan harga jualan dan caj perkhidmatan atau semasa menentukan keuntungan.

KPDN ingin menjelaskan bahawa setakat ini, Kementerian tidak menetapkan dan mengawal harga mana-mana bahan binaan. Ini bertujuan untuk mewujudkan persaingan yang lebih kompetitif dalam kalangan pemain industri pembinaan. Walau bagaimanapun, dua bahan binaan seperti simen dan bar bulat keluli lembut merupakan barang kawalan berjadual di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961, yang mensyaratkan pihak pengilang dan pemborong dilesenkan di bawah akta tersebut.

Pengilang dan pemborong dipertanggungjawabkan untuk memastikan keberadaan bekalan barangan tersebut supaya mudah didapati di pasaran. KPDN juga telah menetapkan syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh mana-mana pengilang dan pemborong bagi memastikan bekalan bahan ini sentiasa mencukupi dan mengelakkan sebarang unsur penyelewengan dari berlaku.

Walaupun harga bahan binaan tidak ditetapkan, tindakan masih boleh diambil sekiranya wujud sebarang kenaikan harga dan pengambilan untung yang tidak munasabah di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

Kementerian melalui Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) ingin menyatakan bahawa industri simen tidak dikawal oleh mana-mana monopoli oleh kerana terdapat 7 pemain di seluruh negara. Oleh itu, pasaran simen negara bersifat oligopoli di mana pasaran itu mempunyai persaingan oleh beberapa pemain tetapi tiada perusahaan yang menguasai sepenuhnya pasaran.

MyCC telah meneliti aduan-aduan serta isu-isu pasaran simen dan mendapati bahawa kenaikan harga simen berlaku disebabkan bekalan dan permintaan yang agresif sejak berakhirnya pandemik covid-19 serta peningkatan kos bahan mentah, kos tenaga dan faktor global yang mempengaruhi rantai bekalan.

KPDN melalui MyCC akan terus memantau pasaran simen, dan orang ramai termasuk perusahaan yang menggunakan simen untuk produknya digesa untuk mengemukakan aduan kepada MyCC jika terdapat sebarang bukti atau maklumat mengenai perlakuan antipersaingan dalam industri simen. Aduan boleh disalurkan melalui e-mel ke complaints@mycc.gov.my, borang aduan di laman web MyCC, surat atau datang terus ke pejabat MyCC.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. HAJAH HALIMAH ALI [KAPAR]

TARIKH : 14 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DR. HAJAH HALIMAH ALI [KAPAR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

(a) apakah hasil penemuan Suruhanjaya Siasatan Diraja Tabung Haji; dan

(b) langkah penambahbaikan yang telah diambil dan perincian faktor yang mencetus isu sehingga menyebabkan krisis kepercayaan dalam kalangan pendeposit pada tahun 2018.

JAWAPAN

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI
MOKHTAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang Di-Pertua,

Jawapan (a)

1. Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) dalam laporannya telah menyatakan beberapa perkara penting mengenai pengurusan dan operasi Lembaga Tabung Haji (**TH**) sepanjang tempoh 2014 hingga 2020 yang perlu dibuat penambahbaikan. Ianya meliputi tadbir urus, kewangan, pelaburan, pelan pemulihan yang berkaitan dengan penubuhan Urusharta Jamaah Sdn. Bhd. (UJSB) dan beberapa penemuan lain.
2. Bagi tujuan penambahbaikan, Suruhanjaya turut mengemukakan syor-syor untuk dipertimbangkan oleh kerajaan. Secara umumnya, Suruhanjaya berpandangan struktur **TH** sedia ada harus dikekalkan, kerana ia terbukti berkesan. Walau bagaimanapun, pengurusan dan operasi **TH** perlu diperbaiki. Daripada penemuan-penemuan dalam siasatan ini, Suruhanjaya telah mengesyorkan tindakan-tindakan yang sesuai untuk diambil oleh pihak Kerajaan dan Pengurusan **TH**.

Jawapan (b)

3. Kerajaan pada tahun 2018 terpaksa melaksanakan pelan pemulihan dan penstrukturan **TH** kerana pada masa tersebut **TH** berisiko menghadapi krisis kecairan yang boleh membawa implikasi terhadap kestabilan sistem kewangan negara.

NO. SOALAN: 26

4. Antara punca utama kepada krisis ini ialah terdapat jurang defisit antara aset dan liabiliti **TH** sebanyak kira-kira RM10 bilion (aset: RM65 bilion & liabiliti: RM75 bilion) di mana keadaan ini menyebabkan **TH** tidak berkeupayaan untuk mengagihkan hibah kepada pendeposit.
5. Oleh yang demikian, melalui pelan pemulihan tersebut, Kerajaan melalui UJSB telah diberi amanah untuk mengoptimumkan nilai realisasi aset melalui penambahbaikan nilai hartanah serta penzahiran nilai saham yang dimiliki **TH** sebelumnya. Aset **TH** yang telah diambil alih dengan nilai RM19.9 bilion walaupun nilai semasa pada waktu tersebut sebenarnya adalah sebanyak RM9.7 bilion.
6. Sejak tahun 2018, **TH** sentiasa dan telah memulakan langkah-langkah bagi memperkukuhkan tadbir urus, operasi dan pengurusan dengan mengambil kira syor-syor RCI.
7. Pada tahun 2021, **TH** telah melancarkan Rangka Kerja Pengawasan (**TH** Stewardship Framework) berlandaskan Maqasid Shariah sebagai asas kawalan tadbir urusnya.
8. Usaha ini diteruskan dengan penubuhan semula Panel Pelaburan pada tahun yang sama dengan ahli-ahli yang terdiri dari pakar-pakar industri. **TH** juga telah mempertingkatkan Rangka Kerja Pengurusan dan Pemantauan Pelaburan (Investment Management and Monitoring Framework) bagi meningkatkan prestasi pelaburan strategiknya di dalam pelbagai sektor.

9. Pengumuman Agihan Keuntungan bagi tahun 2023 telah dibuat setelah penyata kewangan **TH** selesai diaudit sebagai salah satu langkah penambahbaikan berikutan syor awal oleh RCI.
10. TH juga sedang dalam proses untuk menyemak dan menambah baik Akta **TH** 1995 bagi memperkukuhkan tahap tadbir urus dan tatakelola. **TH** menyasarkan untuk membentangkan semakan akta kepada mesyuarat jemaah menteri dan juga parlimen pada tahun hadapan, insya-Allah.
11. Alhamdulillah, hasil usaha keras semua warganya, kedudukan kewangan Tabung Haji terus kekal kukuh. Bagi empat tahun berturut-turut sejak tahun 2020 hingga 2023, Tabung Haji telah mengumumkan agihan keuntungan pada kadar 3.10% iaitu melebihi kadar simpanan 12 bulan perbankan Islam dan keuntungan tersebut diagihkan setelah zakat dilunaskan bagi pihak pendeposit.
12. Saiz deposit juga telah meningkat kepada RM89.0 billion pada 31 Disember 2023 dari RM75.9 billion pada akhir tahun 2020, mencerminkan keyakinan tinggi masyarakat terhadap institusi haji negara.
13. Selari dengan mandat penubuhannya, Tabung Haji komited untuk memastikan dana pendeposit kekal selamat dan dilindungi dalam jangka masa yang panjang. Tabung Haji sentiasa berusaha untuk menjana pulangan yang stabil dan mampan sejajar dengan selera risiko pelaburannya yang sederhana.

Sekian, Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS, TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DR. MOHAMMED TAUFIQ BIN JOHARI
[SUNGAI PETANI]**

TARIKH : 14 OKTOBER 2024

SOALAN

YB DR. MOHAMMED TAUFIQ BIN JOHARI [SUNGAI PETANI] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah Kementerian semasa penyediaan Bajet 2025 dalam memastikan KDN dan Jabatan Imigresen melaksanakan Belanjawan Responsif Gender (GRB) untuk menangani dasar imigresen yang menghalang pasangan asing daripada mendapatkan pekerjaan dan status Penduduk Tetap (PR).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sentiasa menggalakkan pelaksanaan Bajet Responsif Gender (GRB) di setiap Kementerian dan Agensi sebagai satu pendekatan untuk memastikan perbelanjaan Negara tidak bersifat neutral, tetapi keperluan spesifik lelaki dan wanita diberi perhatian sewajarnya. Dalam hal ini, Kementerian Kewangan menerusi Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (PB 1.3) – Garis Panduan Penyediaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Persekutuan Tahun 2025 telah menekankan kepentingan penggunaan analisis gender dan penyediaan data mengikut gender dalam penyediaan peruntukan perbelanjaan mengurus dan pembangunan di peringkat Kementerian dan Agensi masing-masing. Pendekatan GRB ini berfungsi untuk memastikan bahawa dasar-dasar perbelanjaan yang dirangka oleh Kerajaan dapat memberikan manfaat yang lebih inklusif kepada semua lapisan masyarakat.

2. Sebagai peneraju inisiatif GRB ini, Kementerian Kewangan telah menganjurkan bengkel pembangunan kapasiti (*Gender-Responsive Budgeting in Practice – GRBiP*) dengan kerjasama *Gender Budget Group* (GBG) secara berkala bertujuan untuk membina keupayaan pegawai Kerajaan dalam memahami dan melaksanakan bajet responsif gender secara berkesan. Melalui program peningkatan pengetahuan ini, diharapkan semua Kementerian dan Agensi dapat merangka dan melaksanakan belanjawan yang lebih berkesan dalam menangani ketidakseimbangan gender yang mungkin wujud.

3. Selain itu, untuk memastikan agenda kesaksamaan gender dilaksanakan secara berkesan dalam organisasi masing-masing, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) turut telah melantik *Gender Focal Point* (GFP) di setiap Kementerian dan Agensi Kerajaan Persekutuan. Bagi kementerian, GFP yang telah dilantik adalah Timbalan Ketua Setiausaha manakala bagi agensi pula adalah Timbalan Ketua Pengarah. Sebagai lanjutan kepada pelantikan GFP, *Gender Focal Team* (GFT) juga telah ditubuhkan untuk menyokong

SOALAN NO: 27

peranan GFP dan berfungsi untuk memastikan lensa gender tidak diketepikan tetapi diberi perhatian dalam setiap peringkat perancangan, penggubalan dasar dan pelaksanaan program.

4. Berhubung isu melibatkan pasangan asing untuk mendapatkan pekerjaan dan status Penduduk Tetap (PR), Kementerian Dalam Negeri (KDN) akan mempertimbangkan setiap permohonan mengikut syarat, peraturan serta prosedur yang ditetapkan bagi memastikan proses penilaian dilaksanakan secara teratur dan menyeluruh. Bagi memastikan dasar yang digubal turut mengambil kira lensa gender, di sinilah peranan penting yang perlu dan boleh dimainkan oleh GFP kerana mereka adalah pemacu di kementerian yang mempunyai pengetahuan mendalam tentang bidang kuasa masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN YUSUF BIN ABD WAHAB
[TANJONG MANIS]
TARIKH : 14 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

YB TUAN YUSUF BIN ABD WAHAB [TANJONG MANIS] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa jumlah permohonan Program SejaTi MADANI yang telah diluluskan oleh Kementerian dan berapa bilangan JKKK atau komuniti yang telah mendapat manfaat dari program tersebut dalam Parlimen Tanjong Manis pada tahun 2024.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Program Sejahtera Komuniti MADANI (SejaTi MADANI) untuk Parlimen Tanjong Manis sehingga 8 Oktober 2024, sebanyak 18 permohonan projek telah dikemukakan yang melibatkan sebanyak 12 Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) atau komuniti. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 9 permohonan projek telah diluluskan yang melibatkan 8 JKKK atau komuniti, manakala baki permohonan sedang diproses.
2. Kategori aktiviti bagi permohonan yang diluluskan adalah seperti berikut:
 - a. Perkhidmatan Penyewaan dan Sewa Peralatan: 4 projek;
 - b. Pelancongan dan Aktiviti Ekonomi Kampung: 3 projek;
 - c. Pembelian Peralatan dan Infrastruktur: 1 projek; dan
 - d. Komuniti Kraftangan: 1 projek.
3. Manakala jumlah peruntukan yang diluluskan dalam Ringgit Malaysia bagi Parlimen Tanjong Manis (9 Projek adalah RM743,490.00).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM
[PASIR GUDANG]**

TARIKH : 14 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM [PASIR GUDANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membuat pindaan kepada Perkara 49A Perlembagaan Persekutuan bagi memperkemas, memperjelas dan memantapkan Akta Anti Lompat Parti.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Akta Perlembagaan (Pindaan) (No.3) 2022 [*Akta A1663*] yang melarang Ahli Dewan Rakyat bertukar parti telah diwartakan pada 6 September 2022 dan berkuat kuasa mulai 5 Oktober 2022. Pindaan Perlembagaan Persekutuan ini sebahagiannya melibatkan peruntukan Perkara 49A iaitu berkenaan larangan lompat parti.
2. Antara implikasi utama pelaksanaan undang-undang tersebut ialah mana-mana Ahli Dewan Rakyat akan kehilangan kelayakan seseorang Ahli Dewan Rakyat sekiranya melepaskan keanggotaan parti politik, berhenti menjadi ahli parti politik tersebut atau setelah dipilih sebagai Ahli Dewan Rakyat bebas, menyertai suatu parti politik sebagai anggota. Pada masa kini, sekiranya seseorang Ahli Dewan Rakyat dipecat daripada parti politiknya, dia tidak perlu mengosongkan kerusinya.
3. Kerajaan terus komited untuk memantapkan lagi peruntukan berkenaan Anti-Lompat Parti ini. Selanjutnya, Kerajaan MADANI terbuka kepada cadangan bertujuan menambah baik Akta Anti Lompat Parti, bagi membolehkan pindaan kepada Perkara 49A Perlembagaan Persekutuan dibincang dengan teliti sebelum diusulkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HAJI MOHD HASNIZAN BIN HARUN
(HULU SELANGOR)**

TARIKH : 14 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

YB TUAN HAJI MOHD HASNIZAN BIN HARUN (HULU SELANGOR) minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan tindakan, bantuan dan sokongan yang diberikan Kementerian bagi membantu usahawan kecil luar bandar bagi memasarkan produk mereka terutama di kawasan luar bandar yang tidak mempunyai capaian internet yang baik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) sentiasa komited untuk membantu usahawan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dalam aspek pemasaran produk termasuk bagi usahawan di kawasan luar bandar yang tidak mempunyai capaian internet yang baik. Antara program yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut;

- (i) KUSKOP dengan kerjasama beberapa kerajaan negeri telah menganjurkan Showcase Satu Daerah Satu Industri (SDSI) yang bertujuan menyediakan platform pengkomersialan, menerusi pameran dan jualan produk-produk beridentitikan sesebuah daerah. Pada tahun 2024 iaitu sehingga 30 Jun 2024, sebanyak 3 program Showcase SDSI mengikut zon di negeri Sabah, Perak dan Johor telah dilaksanakan melibatkan seramai 225 usahawan dan jualan tunai berjumlah RM1.22 juta;

- (ii) KUSKOP melalui agensi-agensinya telah melaksanakan beberapa karnival keusahawanan seperti Karnival UDA dan Karnival Pernas untuk memberi peluang kepada usahawan mempromosi dan menjual produk perniagaan. Selain itu, usahawan tempatan juga dilibatkan dalam Jualan Madani melalui Program Madani Rakyat (PMR) di seluruh negara;

SOALAN NO : 30

- (iii) KUSKOP juga telah melaksanakan Program Padaniaga@SDSI di mana melalui program ini, usahawan SDSI dapat memperluaskan rangkaian perniagaan dengan pembeli, pengedar, agen pemasaran, stokis, pengimport dan *hypermarket*. Sehingga Jun 2024, seramai 154 usahawan telah menyertai 232 sesi padanan perniagaan yang diatur bersama 16 syarikat *anchor* dengan potensi jualan sebanyak RM20.8 juta;
- (iv) UDA Holdings telah melaksanakan inisiatif MARI Mart (UDA One Stop Retail Centre yang bertindak bagi mengukuhkan pasaran produk usahawan tempatan. Sehingga kini, seramai 607 usahawan telah terlibat dengan inisiatif MARI Mart yang telah beroperasi di Angsana Johor Bahru Mall, Angsana Ipoh Mall, Angsana Seremban dan Pusat Bandar Bertam Perdana; dan
- (v) KUSKOP juga telah melaksanakan Projek Tamu Desa yang bertujuan untuk membina dan menaiktaraf kemudahan ruang niaga dan infrastruktur peniaga dan penjaja kecil kawasan luar bandar di Sabah dan Sarawak pada tahun 2024. Ia melibatkan peruntukan berjumlah RM9 juta bagi pelaksanaan Fasa 1 yang merangkumi kerja-kerja bina baru atau naik taraf sebanyak 36 tapak tamu desa di Sabah dan sebanyak 13 tapak tamu desa di Sarawak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK IR. SHAHELMEY BIN YAHYA
[PUTATAN]**

TARIKH : 14 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN:

YB DATUK IR. SHAHELMEY BIN YAHYA [PUTATAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pelan tindakan terkini Kerajaan bagi menangani masalah banjir yang kerap berlaku di Sabah serta langkah-langkah pencegahan dan bantuan yang disediakan kepada mangsa banjir.

JAWAPAN:

**DIJAWAB OLEH YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI,
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEMAJUAN DESA
DAN WILAYAH**

**Pelan tindakan terkini Kerajaan bagi menangani masalah banjir
Negeri Sabah**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) merupakan agensi yang bertanggungjawab untuk melaksanakan langkah-langkah penyelesaian jangka pendek dan panjang berhubung masalah banjir di seluruh negara.
2. Bagi negeri Sabah, Kerajaan telah meluluskan 15 projek tebatan banjir di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) dengan peruntukan berjumlah RM749 juta. Lapan (8) projek di dalam peringkat pelaksanaan di tapak manakala satu (1) projek di dalam peringkat awalan projek. Selain itu, enam (6) projek tebatan banjir yang diluluskan dalam RMKe-11 telah disiapkan dan memberi manfaat kepada 39,000 orang penduduk tempatan. Kesemua projek RMKe-11 masih diteruskan di bawah RMKe-12.
3. JPS juga telah memohon sebanyak enam (6) projek tebatan banjir di Negeri Sabah di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) dengan peruntukan berjumlah RM635 juta. Daripada permohonan tersebut, sebanyak tiga (3) projek yang dimohon telah diluluskan di bawah RMKe-12 dan tiga lagi projek akan dimohon dalam Rancangan Malaysia Ke-13 (RMKe-13).
4. Bagi penyelesaian isu banjir jangka pendek, JPS telah melaksanakan penyelenggaraan secara berkala sistem saliran utama termasuk kolam takungan banjir yang berada di bawah seliaan JPS. Pelaksanaan kerja – kerja penyelenggaraan ini

dilakukan bagi meningkat kapasiti aliran sungai dan seterusnya mengurangkan kejadian banjir kilat.

Langkah-langkah pencegahan dan bantuan yang disediakan kepada mangsa banjir.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Bagi kejadian bencana termasuk bencana banjir, terdapat dua (2) jenis bantuan bencana yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan melalui peruntukan yang disalurkan oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) kepada semua negeri iaitu Bantuan Wang Ihsan dan Bantuan Wang Ihsan Kematian.
6. Bantuan Wang Ihsan merupakan sumbangan sebanyak RM1,000 untuk Ketua Isi Rumah yang terjejas akibat bencana dan berpindah atau berdaftar di Pusat Pemindahan Sementara (PPS). Manakala, Bantuan Wang Ihsan Kematian merupakan sumbangan sebanyak RM10,000 untuk waris kepada mangsa yang meninggal dunia akibat bencana.
7. Bagi tahun 2024, NADMA telah menyalurkan peruntukan bantuan bencana berjumlah **RM14 juta** kepada negeri Sabah bagi tujuan pemberian Bantuan Wang Ihsan kepada Ketua Isi Rumah mangsa bencana yang terjejas dan memenuhi syarat-syarat kelayakan yang telah ditetapkan.
8. Kerajaan sentiasa meningkatkan usaha untuk mempercepatkan pemberian bantuan bagi menjaga kebajikan dan mengurangkan kesusahan mangsa-mangsa bencana. Kerajaan melalui NADMA sentiasa kerjasama dengan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) dan Daerah (JPBD) serta lain-lain agensi berkaitan dalam usaha menambah baik proses pemberian bantuan kepada mangsa meliputi bantuan awal, pembersihan dan bantuan-bantuan pasca bencana.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS, TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HAJAH MUMTAZ BINTI MD
NAWI [TUMPAT]**

TARIKH : 14 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

YB Dato' Hajah Mumtaz Binti Md Nawi [Tumpat] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** Adakah Kementerian akan mengkaji untuk menambah baik inisiatif ke arah mengangkat status dan kemuliaan ibu di negara kita dalam melahirkan modal insan negara ini sebagaimana amalan di Mongolia (*Order of Maternal Glory*) yang mana telah terbukti meningkatkan kadar kelahiran negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memberi tumpuan kepada usaha bagi menangani penurunan Kadar Kesuburan Jumlah (TFR) yang semakin pantas. Data yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) juga menunjukkan TFR negara terus menurun ke paras terendah pada tahun 2022 iaitu 1.6 orang anak bagi setiap wanita dalam tempoh usia reproduktif iaitu 15 hingga 49 tahun. Sehubungan itu, bagi membantu meningkatkan kadar kesuburan di negara, KPWKM telah melaksanakan pelbagai inisiatif pengukuhan institusi keluarga serta mengiktiraf peranan ibu sebagai tulang kesejahteraan keluarga.

2. Sebagai penghargaan dan mengiktiraf peranan dan sumbangan ibu di Malaysia, KPWKM melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) menganjurkan Sambutan Hari Ibu peringkat kebangsaan sebagai acara tahunan pada hari Ahad minggu kedua dalam bulan Mei. LPPKN mengambil peranan bagi menyambut Hari Ibu bagi menzahirkan penghargaan kepada ibu yang menjadi tulang menjaga kesejahteraan sesebuah keluarga.

3. Hasil Tinjauan Pendapat Umum sempena Sambutan Hari Ibu 2024 oleh LPPKN mendapati bahawa 9 daripada 10 orang responden menyatakan menjadi seorang ibu zaman kini sangat mencabar berbanding zaman dahulu. Dapatan juga mendapati bahawa dalam kebanyakan perkara, ibu adalah tempat untuk anak-anak berkongsi cerita, maklumat dan bertukar pandangan. Justeru itu, majlis Sambutan Hari Ibu Peringkat Kebangsaan pada tahun ini, penganugerahan Ibu Inspirasi telah diberikan kepada ibu istimewa bagi menghargai dan mengiktiraf peranan dan tanggungjawab yang telah berkorban melahirkan dan membesarkan anak-anak.

SOALAN NO: 32

4. Selain itu, KPWKM juga melaksanakan pelbagai langkah dalam mengurangkan faktor yang menyumbang kepada penurunan kadar TFR melalui pelbagai inisiatif, antaranya:

- i. Aktiviti advokasi dan promosi dalam memberi kesedaran kepada masyarakat, khususnya kepada pasangan yang mengalami masalah kesuburan;
- ii. Inisiatif pengecualian cukai kepada pasangan bagi mendapatkan rawatan kesuburan;
- iii. Perkhidmatan rawatan kesuburan / subfertility yang ditawarkan pada kos yang berpatutan dan rendah;
- iv. Klinik kesejahteraan lelaki yang menawarkan ujian saringan kesihatan lelaki, khidmat nasihat masalah seksual dan amalan gaya hidup sihat serta rawatan ubat untuk membantu meningkatkan kesuburan lelaki;
- v. Pengeluaran wang caruman Akaun 2 KWSP untuk tujuan rawatan kesuburan;

5. Dalam pada itu, Pusat Subfertility Negara yang dilengkapi dengan segala kemudahan rawatan kesuburan di bawah satu bumbung bagi memberi perkhidmatan kesuburan yang serba moden dengan kos yang berpatutan akan dibangunkan di Shah Alam, Selangor. Ia akan menjadi pusat rujukan perkhidmatan kesuburan dan kesejahteraan keluarga di Malaysia yang komprehensif, termasuk berfungsi sebagai pusat koordinasi penyelidikan, teknologi rawatan terkini dan latihan kepakaran di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS (2024)**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]

TARIKH : 14 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah usaha Kementerian dalam mempromosikan budaya dan warisan Malaysia dengan generasi muda dan pengunjung antarabangsa, khususnya dalam acara-acara yang dirancang untuk tahun 2024.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya sentiasa komited dalam usaha memartabatkan budaya dan warisan Malaysia khususnya melalui acara-acara yang dilaksanakan pada tahun 2024. Acara seperti Festival Tarian Singa, Tamu Besar Kota Belud, Festival Budaya Putrajaya, Festival Sungai Melaka dan Minggu Budaya Malaysia ialah platform yang digunakan dalam usaha memelihara warisan dan mempromosikan pelancongan budaya kepada pengunjung dari dalam dan luar negara yang menyumbang kepada ekonomi setempat serta memperkukuh perpaduan dalam kalangan rakyat yang terdiri daripada pelbagai kaum dan latar belakang agama.

2. Acara dan program kebudayaan ini juga merupakan hasil kerjasama strategik bersama pelbagai agensi, kerajaan negeri dan komuniti setempat bagi meningkatkan jangkauan apresiasi budaya dan warisan Malaysia kepada generasi muda dan pengunjung antarabangsa. MOTAC turut mensasarkan penglibatan aktif daripada golongan belia dalam setiap program yang disusun sebagai pelapis seni dan budaya Malaysia supaya terus melestarikan tradisi dan identiti kebudayaan negara. Selain itu, setiap program juga telah disuntik dengan elemen kontemporari bagi menarik pengunjung dalam kalangan generasi muda untuk menghayati kekayaan warisan budaya negara dalam genre yang baharu dan lebih segar.

3. MOTAC sentiasa mengalu-alukan sebarang cadangan penambahbaikan dalam usaha mempromosikan warisan dan budaya negara terutama menjelang Kempen Melawat Malaysia 2026.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI
[DUNGUN]**

TARIKH : 14 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI [DUNGUN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan justifikasi Kementerian mengekalkan pengendalian TVET oleh 12 Kementerian yang dilihat bertentangan dengan cadangan Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen agar pengendaliannya dihadkan kepada tiga Kementerian bagi menyelesaikan isu pertindihan yang berpotensi merugikan anak-anak muda lepasan TVET.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI,
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEMAJUAN DESA DAN
WILAYAH**

Tuan Yang Di Pertua,

1. Pada masa ini terdapat 12 buah Kementerian yang terlibat dalam menawar dan mengendalikan program TVET melalui pendekatan latihan di institusi TVET. Secara umumnya, setiap Kementerian yang terlibat dalam pelaksanaan program TVET ini mempunyai kumpulan sasaran dan bidang fokus yang spesifik serta berkait rapat dengan teras utama fungsi Kementerian berkaitan.
2. Merujuk kepada pengkhususan kumpulan sasaran, institusi di bawah kendalian Kementerian Dalam Negeri (KDN) hanya dikhaskan kepada klien Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) dan Pusat Vokasional Industri (PVI). Manakala, institusi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dikhaskan kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU) sahaja. Institusi TVET di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pula memfokuskan kepada peserta di kalangan pelajar sekolah seawal usia 16 tahun melalui Program Vokasional Menengah Atas (PVMA) di sekolah menengah harian dan program di Kolej Vokasional.
3. Berkaitan dengan pengkhususan berdasarkan teras utama fungsi Kementerian, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) memberi tumpuan kepada program berasaskan pertanian, penternakan dan perikanan melalui pelaksanaan Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan (PLKPK). Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK) pula memberi tumpuan kepada program TVET berteraskan sektor perladangan dan komoditi melalui bagi sektor pembinaan pula, Kementerian Kerja Raya (KKR) menerajui

pelaksanaan program TVET melalui pengoperasian Akademi Binaan Malaysia (ABM).

4. Kepelbagaian dan kerencaman sektor industri di Malaysia seperti, automotif, pembuatan, perkhidmatan, telekomunikasi, dan hospitaliti menyumbang kepada keperluan ramai tenaga kerja mahir berteraskan TVET. Sehubungan itu, institusi TVET di bawah kendalian Kementerian lain seperti Kementerian Sumber Manusia (KSM), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) menjalinkan sinergi bersama dalam menawarkan program latihan untuk memenuhi keperluan industri ini.
5. Sebagai satu usaha menambahbaik penyelarasan ekosistem TVET negara, Kerajaan telah menubuhkan Majlis TVET Negara (MTVET) yang berperanan sebagai badan tertinggi dalam membuat keputusan berkaitan hala tuju TVET negara. MTVET melibatkan keanggotaan merentasi semua 12 Kementerian penyedia TVET dan pelbagai pemegang taruh yang berkaitan.
6. Selain itu, pangkalan data raya TVET sedang dibangunkan bagi menyelaraskan dan mengintegrasikan semua data dan maklumat TVET secara menyeluruh merentasi Kementerian dan pemegang taruh TVET. Pengintegrasian data ini amat penting dalam membantu Kerajaan menggubal polisi, membuat pelan strategik dan keputusan dengan lebih tepat dan berkesan berdasarkan fakta dan penghasilan analisis maklumat (*data-driven decision making*).
7. Kerajaan juga telah membangunkan *single window* untuk permohonan kemasukan ke program TVET merentasi Kementerian berkaitan yang dikenali sebagai UP_TVET. UP_TVET adalah merupakan mekanisme pengambilan yang fleksibel dengan mengambil kira syarat kemasukan yang pelbagai serta memberi ruang dan pilihan yang lebih luas kepada bakal peserta dalam memilih program TVET yang mereka benar-benar

minati. Penggunaan platform UP_TVET bagi tujuan permohonan kemasukan pelajar ke program TVET akan diperluas penggunaannya secara berperingkat untuk semua program TVET merangkumi kursus jangka panjang dan kursus jangka pendek di semua institusi TVET awam.

8. Tambahan pula, perkembangan pesat dan perubahan dalam pelaksanaan TVET memerlukan satu polisi khusus bagi memastikan program latihan yang ditawarkan relevan dengan pekerjaan semasa dan masa hadapan khususnya bagi memenuhi keperluan industri yang mempunyai potensi pertumbuhan tinggi dan bernilai tinggi (*high growth high value*, HGHV). Oleh itu, Dasar TVET Negara 2030 telah dibangunkan sebagai garis panduan komprehensif dan rujukan utama dalam memandu institusi TVET menawar dan melaksana program TVET berkualiti berdasarkan keperluan industri.
9. Dasar TVET Negara 2030 ini akan dijadikan sebagai dokumen panduan untuk memastikan penyelarasan pelaksanaan TVET secara holistik seterusnya berupaya menyelesaikan isu-isu pelaksanaan yang berbangkit termasuklah isu pertindihan, ketidakpadanan kemahiran dan sebagainya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN JIMMY PUAH WEE TSE (TEBRAU)

TARIKH : 14 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

Tuan Jimmy Puah Wee Tse [Tebrau] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan walaupun Kementerian telah meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling melibatkan denda sehingga RM10 juta namun masih terdapat kes pembuangan sisa toksik secara haram berlaku seperti baru-baru ini di Parlimen Tebrau. Apakah langkah tambahan Kementerian untuk mencegah perkara ini dari berulang lagi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagai makluman kepada Ahli Yang Berhormat, Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2024 telah diwartakan pada 6 Jun 2024 dan dikuatkuasakan mulai 7 Julai 2024. Melalui pindaan ini, denda sehingga maksimum RM10 juta boleh dikenakan bagi kesalahan-kesalahan pencemaran air, pelupusan haram buangan terjadual, pencemaran minyak dan buangan ke Perairan Malaysia jika disabitkan di mahkamah.

2. Susulan kejadian pencemaran bau pada 9 September 2024, pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS) dengan kerjasama pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) sedang giat menjalankan siasatan lanjut ke atas premis industri yang disyaki dan individu yang menjadi dalang di dalam pembuangan sisa kimia secara haram.

3. Selain itu, beberapa tindakan berikut juga dilaksanakan bagi membanteras pembuangan sisa kimia secara haram:

- i. Meningkatkan penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya untuk mengawal pelepasan bahan pencemar daripada aktiviti industri agar tidak memberi kesan buruk terhadap alam sekitar;
- ii. Memastikan pengurusan buangan terjadual, efluen, kumbahan dan sebarang pelepasan bahan pencemar udara dilaksanakan dengan baik bagi memastikan pematuhan terhadap had-had pelepasan yang ditetapkan;
- iii. Memantau pengurusan buangan terjadual daripada industri yang tertakluk di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 dengan mengawalselia penggunaan sistem *Electronic Scheduled Waste Information System* (eSWIS) bagi mengesan pergerakan buangan terjadual daripada premis industri yang menghasilkan buangan terjadual kepada kemudahan pengurusan yang dilesenkan oleh JAS;

SOALAN NO : 35

- iv. Menjalankan pemeriksaan secara berterusan ke atas premis industri, notifikasi pemasangan alat kawalan pencemaran, pelaporan alam sekitar secara atas talian (*Online Environmental Reporting*, OER) dan penguatkuasaan secara *desktop*;
- v. Memastikan pelaksanaan pematuhan sendiri (*Self Regulation*, SR) kepada pihak industri untuk menjalankan pemantauan prestasi setiap hari terhadap kelengkapan alat kawalan pencemaran yang telah dipasang agar ianya berfungsi dengan baik pada setiap masa;
- vi. Meningkatkan kerjasama dan melaksanakan operasi secara bersepadu bersama agensi penguatkuasaan yang lain; dan
- vii. Menganjurkan program promosi dan kesedaran awam kepada masyarakat dan semua pihak berkepentingan mengenai kepentingan memelihara dan memulihara alam sekitar.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HASSAN
(SRI GADING)

TARIKH : 14 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan [Sri Gading] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan tindakan dan persediaan yang telah dilakukan oleh pihak Kementerian dalam menghadapi musim tengkujuh pada penghujung tahun ini, memandangkan telah ada beberapa bencana awal seperti banjir yang telah berlaku baru-baru ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia), agensi di bawah Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) yang beroperasi 24 jam sehari, tujuh hari seminggu sepanjang tahun sentiasa memantau situasi cuaca negara berdasarkan pencerapan oleh stesen-stesen radar dan meteorologi di seluruh Malaysia. MET Malaysia akan mengeluarkan maklumat dan amaran sekiranya cuaca buruk yang mampu menyebabkan bencana dijangka berlaku berdasarkan model-model cuaca MET Malaysia dan antarabangsa. Pengeluaran maklumat dan amaran cuaca sentiasa dikemaskini dari semasa ke semasa.

2. Dalam langkah-langkah awal persediaan menghadapi Monsun Timur Laut (MTL) pada tahun ini, MET Malaysia telah mengadakan Forum Iklim Kebangsaan pada 3 Oktober 2024 dengan menjemput beberapa agensi-agensi pengurusan bencana membincangkan persediaan mereka menghadapi fenomena ini. Di samping itu juga, MET Malaysia turut menyampaikan maklumat dan ramalan cuaca semasa mesyuarat persediaan bencana yang dipengerusikan oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) di peringkat pusat, negeri dan daerah.

3. Sesi penerangan juga diadakan bersama pemegang taruh yang lain seperti Tenaga Nasional Berhad (TNB), PETRONAS, PRASARANA, syarikat air negeri, syarikat pengangkutan, wakil rakyat dan penduduk setempat. Usaha-usaha ini membolehkan persediaan sebelum bencana banjir monsun berlaku agar kehilangan nyawa dan kerugian ekonomi dapat diminimalkan.

4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seiring dengan perkembangan teknologi semasa bagi meningkatkan sistem penyampaian, MET Malaysia juga telah membangunkan aplikasi mobil myCuaca yang dapat memberikan maklumat cuaca dan gempa bumi untuk diakses pada bila-bila masa oleh orang ramai. MET Malaysia juga turut membangunkan aplikasi mobil RakanMET iaitu medium perkongsian maklumat cuaca setempat di kalangan orang awam.

SOALAN NO : 36

5. Selain itu, Jabatan juga menyampaikan ramalan dan amaran cuaca ini menggunakan pelbagai medium seperti media sosial (Facebook, Twitter, Instagram dan Youtube), laman sesawang Jabatan dan media massa (televisyen dan radio).

6. Berikutan kejadian ribut dan hujan lebat yang berlaku kebelakangan ini terutamanya di kawasan utara Semenanjung Malaysia, MET Malaysia akan menambahbaik Prosedur Tetap Operasi (PTO) berkaitan penyediaan dan penyebaran maklumat, nasihat dan amaran cuaca supaya ia dikeluarkan dengan lebih kerap apabila cuaca dijangka menjadi lebih buruk.

7. Dengan penambahbaikan berterusan yang dilakukan terhadap sistem ramalan cuaca negara, ia dijangka dapat menghasilkan ramalan yang lebih tepat dan seterusnya dapat membantu pihak agensi pengurusan bencana untuk bertindak lebih awal dalam memastikan keselamatan rakyat terjamin.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN TERESA KOK SUH SIM
[SEPUTEH]
TARIKH : 14 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

YB PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan lokasi dan bilangan unit setiap perumahan Residensi MADANI di Kuala Lumpur. Nyatakan jumlah unit perumahan MADANI yang akan dibina di Kuala Lumpur dan kriteria yang digunakan oleh Kerajaan untuk memilih permohonan pembeli rumah.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selaras dengan hasrat YAB Perdana Menteri melalui aspirasi Malaysia MADANI dan elemen ihsan yang memfokuskan aspek peduli iaitu tiada golongan yang dipinggirkan dalam menikmati arus pembangunan negara, Jabatan Wilayah Persekutuan telah memperkenalkan program perumahan mampu milik di Wilayah Persekutuan iaitu Residensi MADANI.
2. Residensi MADANI memfokuskan kepada golongan yang berpendapatan sederhana rendah dan ke bawah, atau B40. Harga jualan bagi Residensi MADANI ditetapkan di antara RM150,000 hingga RM200,000 seunit mengikut saiz rumah iaitu di antara 700 persegi kaki persegi (kps) hingga 800 kps.
3. Sejak pelaksanaan Residensi MADANI sehingga 30 September 2024, sebanyak 1,150 unit melibatkan 3 projek merangkumi 2 projek yang sedang dalam pembinaan dan 1 projek yang telah mendapat Perintah Pembangunan (*Development Order – DO*) bagi kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. 2 projek yang sedang dalam pembinaan iaitu di Residensi Desa Tasik melibatkan 100 unit sahaja dan Residensi Suria MADANI di Taman Desa *Water Park* melibatkan sebanyak 800 unit. Manakala 1 projek yang telah mendapat DO dianggarkan sebanyak 250 unit berada di lokasi Jalan Kampung Pandan. Pada ketika ini, Jabatan Wilayah Persekutuan menerusi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedang berusaha mengenal pasti tapak-tapak yang sesuai untuk pembangunan Residensi MADANI.

SOALAN NO. 37

4. Kriteria permohonan Residensi MADANI yang ditetapkan adalah pemohon yang berumur 18 tahun dan ke atas semasa permohonan dibuat, lahir atau bekerja atau pengundi berdaftar di Wilayah Persekutuan, serta mempunyai pendapatan kasar isi rumah sebanyak RM8,000 ke bawah sebulan dan hanya untuk pembelian rumah pertama sahaja. Permohonan Residensi MADANI adalah secara atas talian sepenuhnya melalui portal Residensi MADANI yang diselia oleh Jabatan Wilayah Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L
RAJAJI
[JELUTONG]**

TARIKH : 14 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L RAJAJI [JELUTONG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan siasatan skandal tender perkhidmatan 1 Bestari Net yang bernilai RM4 bilion yang dianugerahkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia kepada YTL Corporation pada tahun 2011 ketika Yang Berhormat Pagoh menjadi Menteri Pelajaran.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, kes ini masih dalam siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Justeru, SPRM tidak dapat mendedahkan butiran siasatan tersebut berdasarkan subseksyen 29(4) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*].

2. Berdasarkan kenyataan media SPRM bertarikh 6 September 2024, siasatan ini adalah berdasarkan aduan yang diterima melibatkan beberapa dakwaan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa yang melanggar peruntukan undang-undang termasuklah peruntukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

3. Berdasarkan SPRM juga, siasatan antara lain, sedang menumpukan kepada pembekalan perkhidmatan lebar jalur kepada kira-kira 8,000 sekolah di seluruh negara iaitu sama ada perkhidmatan tersebut dibekalkan mengikut spesifikasi kontrak yang ditetapkan. Selain itu, siasatan yang sedang dilaksanakan pada masa ini juga melibatkan saksi yang ramai untuk memberi keterangan bagi membantu siasatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN
[KLANG]
TARIKH : 14 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

**Y.B. Tuan Ganabatirau a/l Veraman [KLANG] minta MENTERI
PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI menyatakan**

- a. adakah Kerajaan boleh menjaminkan bahawa keanggotaan BRICS akan selama-lamanya kekal sebagai pakatan berasaskan pelaburan dan perdagangan; dan
- b. langkah-langkah yang akan diambil jika BRICS berkembang menjadi suatu kerjasama ketenteraan pada masa depan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Dari segi sejarah, gagasan BRICS mula mendapat perhatian penganalisa ekonomi dan akademik sekitar awal abad ke-21, merujuk kepada perkumpulan negara-negara baharu muncul (*emerging economies*) iaitu Brazil, Persekutuan Rusia (Rusia), India, Republik Rakyat China (China) dan Afrika Selatan. Negara-negara ini mempunyai populasi yang tinggi dengan kira-kira 3.26 bilion iaitu 45 peratus penduduk dunia yang menyumbang kira-kira USD27.65 trilion iaitu 26.4 peratus GDP dunia. Pada awalnya, BRICS bukanlah sebuah organisasi yang formal dan negara-negara BRICS mempunyai pendirian serta fokus ekonomi yang tersendiri. Kebelakangan ini, sebagai usaha menangani isu-isu ketegangan ekonomi dan geopolitik semasa yang dihadapi oleh sebilangan negara BRICS, gagasan ini mula bersuara sebagai satu pertubuhan antara kerajaan yang lebih formal.

Berdasarkan kriteria dan syarat yang perlu dipatuhi untuk diterima sebagai calon ahli baharu termasuk Malaysia, diperhatikan bahawa objektif peluasan gagasan BRICS pada masa ini dilihat tertumpu kepada usaha untuk memperkukuhkan peranan negara anggota asal BRICS dalam mengimbangi pengaruh dan dominasi kuasa ekonomi Barat ke atas perdagangan dunia, badan-badan kewangan global yang penting seperti Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia. Sebagai contoh, Malaysia dipinta untuk menyokong keanggotaan Brazil sebagai Ahli Tetap dalam Suruhanjaya Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Jelas di sini, walaupun agenda BRICS kini adalah lebih menyeluruh dan meliputi isu-isu ekonomi, sosial dan kewangan, pertimbangan politik juga masih diberi keutamaan. Oleh kerana isu-isu ini saling berkait, maka adalah agak sukar untuk memberi jaminan bahawa BRICS akan hanya menumpukan kepada pelaburan dan perdagangan semata-mata.

Walau bagaimanapun, dari pemerhatian Kerajaan, terdapat pelbagai potensi dari segi ekonomi yang boleh diraih oleh Malaysia

SOALAN NO: 39

melalui penglibatan yang lebih erat dengan gagasan BRICS. Antara faedah signifikan boleh dimanfaatkan Malaysia adalah menjadikan BRICS sebagai suatu landasan untuk mengetengahkan pandangan dan pendirian mengenai isu-isu ekonomi serantau melalui dialog, forum dan perbincangan dengan negara-negara anggota BRICS. Penglibatan dalam dialog dan perbincangan ini membuka peluang yang lebih luas kepada Malaysia untuk mempelbagai dan memperkukuhkan hubungan strategik dengan negara-negara anggota BRICS. Dengan penekanan kepada prinsip *neutrality* tanpa menjejaskan hubungan dengan rakan dagang utama sedia-ada, Malaysia boleh mengambil peluang untuk mempertingkatkan hubungan ekonomi dengan negara-negara seperti Brazil, Afrika Selatan dan Emiriah Arab Bersatu dalam sektor-sektor strategik, antaranya industri Halal, biodiversiti dan pembangunan mampan,

Malaysia akan terus menilai perkembangan BRICS dari masa ke masa bagi memastikan penglibatan Malaysia memberi faedah yang signifikan kepada negara sejajar dengan matlamat dasar ekonomi termasuk Aspirasi Ekonomi MADANI dan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (*New Industrial Master Plan - NIMP 2030*).

Mengenai persoalan sekiranya BRICS akan berkembang menjadi satu kerjasama ketenteraan pada masa hadapan, Kerajaan berpendapat bahawa perkara ini mampu memberikan kesan besar kepada geopolitik global. Sehubungan itu, MITI dimaklumkan bahawa pihak Angkatan Tentera Malaysia (ATM) perlu mengambil beberapa langkah strategik bagi menyesuaikan diri dengan landskap baharu tersebut. Jika BRICS beralih kepada kerjasama ketenteraan, ianya berpotensi mengubah keseimbangan kuasa antarabangsa, terutama dengan kehadiran negara-negara besar seperti China dan Rusia yang memiliki pengaruh ketenteraan yang signifikan.

Pada masa ini, negara-negara BRICS yang mempunyai kerjasama pertahanan secara duahala dengan Malaysia adalah Rusia, India, China, Afrika Selatan, Mesir dan Emiriah Arab Bersatu. Manakala Brazil, Iran dan Ethiopia masih belum mempunyai kerjasama pertahanan duahala dengan Malaysia. Sebarang bentuk kerjasama pertahanan dengan pakatan

SOALAN NO: 39

BRICS, khususnya yang melibatkan latihan ketenteraan dan penugasan operasi pada masa hadapan, adalah tertakluk kepada pendirian dan dasar luar negara yang sedang berkuatkuasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AZLI BIN YUSOF
[SHAH ALAM]**

TARIKH : 14 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN AZLI BIN YUSOF [SHAH ALAM] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

- (a) strategi Kerajaan menarik sokongan sektor swasta dan badan bukan Kerajaan (NGO) dalam menjayakan Dasar PIKAS 2030 yang melibatkan pembangunan infrastuktur, perindustrian dan teknologi; dan
- (b) bagaimana dasar ini dapat mengurangkan jurang ekonomi antara kawasan bandar dan luar bandar.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan telah merangka Pelan Induk Kerjasama Awam-Swasta 2030 (**PIKAS 2030**) dengan matlamat untuk mewujudkan landskap PPP yang teguh dan mampan bagi memacu kesejahteraan negara. Langkah ini mampu menarik penyertaan sektor swasta termasuk badan bukan Kerajaan (**NGO**) melalui salah satu strategi utama iaitu penambahbaikan ekosistem Kerjasama Awam-Swasta, dengan izin, *Public Private Partnership* (**PPP**).

2. Kerajaan komited untuk memperkukuh ekosistem PPP dengan memastikan tatakelola yang baik dan meningkatkan kepantasan dalam pelaksanaan projek. Dengan menyediakan ekosistem yang kukuh dan prosedur yang lebih tersusun, pelaksanaan projek akan lebih cekap dan berkesan. Seterusnya, strategi ini dilihat dapat membuka peluang kepada pelabur swasta dan NGO untuk terlibat secara aktif dan bersaing dalam projek-projek yang ditawarkan melalui mekanisme *request for proposal* (**RfP**).

3. Di samping itu, PIKAS 2030 turut menggariskan strategi untuk memperluas model PPP melalui kaedah pembayaran oleh pengguna (*user-pays*) yang bertujuan untuk mengurangkan kebergantungan kepada Kerajaan. Antara projek yang boleh diteroka menggunakan pendekatan ini termasuk pembangunan semula aset-aset Kerajaan sedia ada yang bakal memberikan peluang kepada sektor swasta dan NGO untuk menyertai projek melalui pelaburan atau pengurusan projek infrastruktur yang lebih cekap dan berkesan.

3. Bagi menggalakkan penglibatan NGO, Kerajaan akan meneroka pelaksanaan projek kerjasama awam-swasta-dermawan, dengan izin, *public-private-philanthropic partnerships* (**PPPP**), misalnya melalui program pembiayaan inovatif seperti dana PPP. Ini akan memberi peluang

NO. SOALAN : 40

kepada NGO dan dermawan untuk turut serta secara aktif dalam projek-projek di bawah PIKAS 2030, sama ada dalam bentuk kepakaran atau kewangan yang lebih fleksibel dan inklusif.

4. Melihat bahawa Kerajaan juga menekankan inovasi dan kecekapan dalam penyediaan infrastruktur dan penyampaian perkhidmatan awam melalui projek-projek PPP, sektor swasta dan NGO yang memiliki kepakaran dalam pelbagai bidang termasuk infrastruktur, perindustrian dan teknologi dapat turut menyumbang kepada pembangunan sosial dan ekonomi. Mereka boleh memainkan peranan yang signifikan dalam projek-projek pembangunan yang akan dilaksanakan di bawah PIKAS 2030, seterusnya membantu memperkukuh pertumbuhan ekonomi negara melalui kerjasama awam dan swasta.

5. PIKAS 2030 juga boleh dijadikan rujukan dalam usaha untuk mengurangkan jurang ekonomi antara kawasan bandar dan luar bandar melalui pelaksanaan projek infrastruktur yang strategik. Strategi khusus telah digariskan dalam PIKAS 2030 untuk menggalakkan penyertaan sektor swasta melalui peluasan model PPP dalam projek yang dilaksanakan. Sebagai contoh, dalam sektor pertanian, pendekatan PPP digunakan dalam projek pembangunan infrastruktur bagi meningkatkan pengeluaran padi di negeri Kedah dan Perlis. Projek ini bukan sahaja dijangka akan meningkatkan produktiviti pertanian, malahan meningkatkan pendapatan petani di luar bandar dan seterusnya memperkukuh keterjaminan makanan negara.

6. Selain itu, projek-projek PPP yang dirancang di bawah PIKAS 2030 akan menarik pelaburan besar daripada sektor swasta melalui suntikan modal yang sewajarnya. Ini akan memberi impak langsung dalam menciptakan peluang pekerjaan, bukan sahaja di bandar tetapi juga di kawasan luar bandar. Dengan pelaburan ini, hasrat untuk mengurangkan jurang pendapatan penduduk dapat dicapai dan memastikan pembangunan yang lebih inklusif serta menyokong pertumbuhan ekonomi secara lebih menyeluruh.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN KAR HING [GOPENG]

TARIKH : 14 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

Tuan Tan Kar Hing [Gopeng] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan jumlah permohonan fleet card yang diterima di bawah Sistem Kawalan Diesel (SKDS) dan tempoh pengagihan kad yang diperlukan bagi setiap syarikat diesel yang tersenarai.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) telah dilaksanakan bermula 10 Jun 2024 bertujuan untuk membendung ketirisan diesel bersubsidi. Melalui kaedah ini, penyasaran subsidi diberikan hanya kepada sektor yang layak dengan melibatkan lima syarikat minyak utama iaitu jenama Petronas, Shell, Petron, Caltex dan BHP. Melalui SKDS, penggunaan *fleet card* dilaksanakan untuk memantau dan mengawal perbelanjaan diesel kenderaan oleh syarikat pengangkutan yang terlibat.

Pada ketika ini, kenderaan yang diklasifikasikan layak untuk penyasaran subsidi di bawah SKDS terdiri daripada 10 jenis Kenderaan Pengangkutan Darat Awam di bawah SKDS 1.0 dan 23 jenis Kenderaan Pengangkutan Darat Barangan di bawah SKDS 2.0. Kesemua 33 kenderaan ini dikenal pasti terlibat secara langsung melalui rantaian pembekalan barang-barang keperluan (*essentials*).

Sehingga 6 Oktober 2024, jumlah permohonan *fleet card* yang diterima di bawah SKDS adalah sebanyak 290,370 permohonan/kenderaan melibatkan 105,744 syarikat.

Untuk makluman, tempoh pengagihan yang diperlukan bagi setiap syarikat diesel yang tersenarai secara puratanya mengambil masa selama 2 minggu untuk *cash card* manakala *debit dan credit fleet card* pula akan mengambil masa kira-kira 2 ke 4 minggu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DORIS SOPHIA ANAK BRODI
[SRI AMAN]**

TARIKH : 14 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

Dato' Sri Doris Sophia anak Brodi [Sri Aman] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan inisiatif yang sedang dijalankan oleh Kementerian untuk meningkatkan kesedaran mengenai hak-hak pengguna di kalangan rakyat, terutamanya di kawasan luar bandar yang sering terdedah kepada penipuan seperti gores menang, membeli barang yang memudaratkan kesihatan dan sebagainya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) melaksanakan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan kesedaran mengenai hak-hak pengguna dalam kalangan rakyat melalui kaedah advokasi secara konvensional mahupun advokasi melalui media baharu. Pengisian kandungan program advokasi kepenggunaan yang dipilih juga adalah dekat dengan isu kepenggunaan semasa seperti membuat pembelian selamat untuk mengelakkan penipuan seperti gores menang serta bagaimana untuk mengelakkan daripada membeli barang yang memudaratkan kesihatan dan sebagainya.

Antara inisiatif terkini kementerian yang menyasarkan pengguna di luar bandar yang sedang dilaksanakan adalah melalui program bersama komuniti desa. Inisiatif ini dilaksanakan melalui program-program advokasi yang dijalankan oleh Gerakan Pengguna Negeri (GPN) dan Gerakan Pengguna Daerah (GPD) yang merupakan gerakan pengguna di peringkat negeri dan daerah yang menjalankan pelbagai program advokasi kepenggunaan mengikut lokaliti masing-masing.

Bermula daripada 1 Januari sehingga 30 September 2024, sebanyak 715 program kepenggunaan telah dilaksanakan oleh kesemua GPN dan GPD seluruh negara yang melibatkan kumpulan sasar termasuk komuniti luar bandar. Manakala bagi Parlimen Sri Aman sahaja bagi tempoh yang sama, sebanyak 7 program kepenggunaan telah dilaksanakan seperti seminar dan pameran kepenggunaan.

KPDN turut bekerjasama dengan Badan Bukan Kerajaan (NGO) Kepenggunaan bagi pelaksanaan pelbagai siri ceramah yang memfokuskan kepada kesedaran mengenai hak-hak pengguna. Siri ceramah ini melibatkan peserta daripada pelbagai lapisan masyarakat seperti peringkat komuniti, pelajar universiti dan pelajar sekolah menengah termasuk di kawasan luar bandar. Bermula daripada 1 Januari sehingga 30 September 2024, sebanyak 85 program kepenggunaan seperti ceramah kepenggunaan dan sebagainya, telah dilaksanakan oleh NGO Kepenggunaan di seluruh negara.

Pelbagai inisiatif turut diambil oleh kementerian bagi memperkasakan peranan pengguna dan meningkatkan lagi capaian kepada advokasi perlindungan pengguna ini melalui media baharu iaitu media sosial. Platform yang digunakan termasuklah Facebook, Instagram, YouTube dan TikTok. Dari segi jumlah capaian di platform media sosial tersebut, sebanyak 31,285 di Facebook, 578,830 di Instagram dan 470,265 jumlah capaian di TikTok telah berjaya direkodkan daripada 1 Januari sehingga 30 September 2024.

Sekiranya ada mana-mana pihak yang mengesyaki atau berhadapan sendiri penipuan dalam jual beli, dimohon untuk membuat aduan ke kementerian melalui saluran-saluran aduan seperti:

- a) Portal e-Aduan KPDN;
- b) Talian Hotline 1-800-886-800;
- c) Hadir sendiri ke mana-mana pejabat / cawangan KPDN yang berhampiran;
- d) Enforcement Command Centre (ECC);
- e) Emel di alamat e-aduan@kpdn.gov.my;
- f) Aplikasi Telefon Pintar Ez ADU;
- g) Bilik Gerakan Penguatkuasa KPDN Negeri;
- h) Aplikasi WhatsApp di talian 019-8488000; dan
- i) Surat rasmi kepada KPDN

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' MOHD ISAM BIN MOHD ISA
[TAMPIN]**

TARIKH : 14 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATO' MOHD ISAM BIN MOHD ISA [TAMPIN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha atau langkah yang telah diambil untuk memastikan generasi baru FELDA kembali berkhidmat dan bermastautin di kampung halaman mereka, seiring dengan slogan 'Dari Bandar ke FELDA' yang pernah dilancarkan sebelum ini.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI,
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEMAJUAN DESA
DAN WILAYAH**

Tuan Yang di-Pertua,

Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memastikan warga generasi FELDA secara khususnya kembali untuk berkhidmat dan bermastautin di tanah rancangan FELDA.

Penekanan khusus bagi menjamin keberhasilan perancangan ini melibatkan beberapa langkah strategik iaitu :

- 1) **Program Pembangunan Ekonomi:** FELDA telah melaksanakan pelbagai program yang menawarkan peluang pekerjaan dan perniagaan kepada generasi muda. Ini termasuk program Tabung Usahawan Belia FELDA (TUBF) dengan kerjasama Bank Islam iaitu bantuan modal untuk mengembangkan perniagaan di kampung halaman; dan
- 2) **Pembangunan Infrastruktur:** Meningkatkan prasarana perumahan dan infrastruktur seperti perumahan, jalan, kemudahan pendidikan, kesihatan, dewan orang ramai, dan kemudahan internet untuk menjadikan kehidupan di kampung lebih selesa dan menarik.

Diharapkan dengan langkah-langkah ini, generasi baru FELDA dapat menimbangkan ruang dan peluang yang sedia ada untuk mereka kembali berkhidmat dan bermastautin di tanah rancangan FELDA.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN RIDUAN BIN RUBIN
(TENOM)**

TARIKH : 14 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

YB TUAN RIDUAN BIN RUBIN [TENOM] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah perkembangan terkini pembangunan Bandar Angkasa (*Space City*) bagi membangunkan sektor industri teknologi angkasa berimpak tinggi seperti industri pembuatan komponen berkaitan angkasa, pusat kawalan operasi pelancaran angkasa (*spaceport*) dan aktiviti berkaitan aeroangkasa seperti *Maintenance, Repair and Overhaul* (MRO).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Pembangunan Bandar Angkasa (*Space City*) adalah salah satu inisiatif utama yang digariskan dalam Pelan Tindakan Dasar Angkasa Negara 2030: Malaysia Space Exploration 2030 (MSE2030). Pelan Strategik Industri Angkasa 2030 (SISP 2030) yang telah dibangunkan oleh MOSTI melalui Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) juga telah mengenal pasti empat (4) teras strategik yang diperlukan untuk membangunkan industri angkasa iaitu teknologi, pembiayaan dan pelaburan, pembangunan modal insan dan rangka kerja tadbir urus.
2. Antara inisiatif yang digariskan adalah dengan memanfaatkan kekuatan industri aeroangkasa Malaysia sedia ada bagi membuka jalan untuk penerapan teknologi dan inovasi angkasa baharu. Bidang peluang utama yang relevan dengan industri angkasa domestik termasuklah peminiaturan, komponen atau semikonduktor bertaraf antarabangsa, pembangunan satelit kecil, perkhidmatan berkaitan satelit dan pembangunan perisian yang spesifik kepada teknologi angkasa.
3. Sejalan dengan SISP 2030, Malaysian Space Industry Consortium (MASIC) telah ditubuhkan dan dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 24 Mei 2023 semasa LIMA 2023. Platform yang diketuai oleh Malaysian Industry-Government Group for High Technology (MIGHT) ini bertujuan untuk memacu program kerjasama industri dan menarik pelaburan asing seperti pembuatan komponen angkasa selaras dengan matlamat Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030.

SOALAN NO.44

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

4. MOSTI melalui MYSA kini sedang membangunkan garis panduan pembangunan Bandar Angkasa yang komprehensif sebagai rujukan dan panduan untuk mewujudkan Bandar Angkasa di Malaysia.
5. MOSTI juga akan menganjurkan sesi libat urus dengan pihak berkepentingan untuk menyelaraskan inisiatif garis panduan Bandar Angkasa dengan rangka kerja dan dasar-dasar yang sedia ada. Garis panduan ini akan dapat menerangkan dengan jelas konsep dan komponen utama pembangunan Bandar Angkasa serta kepentingan pembangunan Bandar Angkasa di Malaysia.
6. Untuk mendapatkan pelaburan dan juga pengiktirafan antarabangsa terhadap pembangunan Bandar Angkasa ini, MOSTI melalui MYSA dengan kerjasama pihak MIGHT dan MASIC telah menjalankan gerak kerja seperti penganjuran Pameran Space Tech Nexus dan Langkawi International Space Forum sempena LIMA'23, penganjuran Technomart Go2Space Malaysia-Scotland, penyertaan dan pembentangan ke Persidangan Global SpaceTech di Singapura, lawatan delegasi Industri Angkasa Malaysia ke Scotland dan penyertaan dalam projek *Space Law for New Space Actors* yang dianjurkan oleh The United Nations Office for Outer Space Affairs (UNOOSA).
7. Terkini, wakil Malaysia telah terpilih untuk membentangkan kertas kerja inisiatif Bandar Angkasa di Malaysia di The 75th International Astronautical Congress (IAC), 14 -18 Oktober 2024 yang akan berlangsung di Milan, Itali.

Sekian terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
[BERA]**

TARIKH : 14 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB [BERA] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah dasar Kerajaan hari ini mengenai sijil dan logo halal, berapa jumlah premis yang telah menerima sijil halal, jumlah dalam senarai memohon dan tempoh masa yang diambil untuk memproses permohonan sijil halal.

JAWAPAN

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI
MOKHTAR
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 18 September 2024 bersetuju mengekalkan dasar sedia ada bahawa permohonan Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) yang dilaksanakan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Majlis Agama Islam (MAIN)/Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) adalah bersifat sukarela. Dasar ini terbuka kepada mana-mana industri yang bersedia untuk mematuhi semua keperluan, piawaian dan standard pensijilan halal Malaysia serta perundangan yang berkuat kuasa.
2. Berdasarkan rekod sehingga 7 Oktober 2024, jumlah syarikat pemegang SPHM yang sah, yang merangkumi semua skim pensijilan, ialah 9,440 syarikat, manakala jumlah permohonan yang sedang diproses oleh JAKIM, MAIN dan JAIN ialah 2,463 permohonan.
3. Berhubung dengan tempoh masa yang diambil untuk memproses permohonan sijil halal, JAKIM dan MAIN/JAIN menetapkan keputusan permohonan dikeluarkan dalam tempoh 30 hari dari tarikh dokumen permohonan diterima. Pengiraan tempoh ini hanya tertakluk kepada proses di pihak JAKIM atau MAIN/JAIN sahaja,

NO. SOALAN: 45

dan sebarang tempoh yang melibatkan tindakan di pihak industri tidak diambil kira. Komitmen ini telah dilaksanakan sepenuhnya oleh JAKIM sejak Januari 2024, manakala di pihak MAIN/JAIN ia dilaksanakan sepenuhnya pada bulan Julai 2024. Setakat 31 Julai 2024, JAKIM telah berjaya menguruskan 96% (1,744 daripada 1,812) permohonan SPHM dalam tempoh 30 hari manakala pencapaian tempoh pengurusan SPHM di negeri-negeri ialah 86% setakat 30 Jun 2024.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KKETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS, TAHUN 2024**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
[GOMBAK]**

TARIKH : **14 OKTOBER 2024 (ISNIN)**

SOALAN

YB Dato' Seri Amirudin Bin Shari [Gombak] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan dasar Kementerian berkenaan ekonomi penjagaan (*care economy*) bagi meringankan beban kos penjagaan kanak-kanak serta warga emas. Apakah dasar dan persediaan Kementerian bagi menghadapi masyarakat yang semakin menua (*ageing society*).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) telah memulakan langkah dalam membangun dan memperkemas industri penjagaan yang meliputi penjagaan kanak-kanak, warga emas dan mereka yang bekeperluan. Usaha ini juga adalah selari dengan salah satu daripada tujuh (7) penanda aras yang digariskan dalam Ekonomi Madani yang dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri iaitu kadar penyertaan wanita dalam tenaga buruh mencapai 60 peratus.

2. Antara usaha yang digembleng ke arah pembangunan industri penjagaan yang lebih baik termasuklah:

- (i) Membangunkan Kerangka Strategik Industri Penjagaan di Malaysia 2025-2030. Kerangka strategik akan ini mengandungi pelbagai langkah dan tindakan holistik yang perlu dilaksanakan oleh semua pihak dalam menjayakan ekonomi baharu ini;
- (ii) Melaksanakan program latihan yang standard merangkumi modul-modul penjagaan pelbagai kumpulan sasar yang memerlukan bagi melahirkan penjaga berkemahiran dan boleh pasaran;
- (iii) Membuat semakan akta-akta di bawah KPWKM yang berkaitan dengan penjagaan supaya relevan dengan keperluan industri penjagaan;
- (iv) mengadakan advokasi tentang kepentingan industri penjagaan dan peranan penting yang dimainkan oleh pekerja penjagaan dalam masyarakat; dan
- (v) mengadakan libat urus bersama pemegang taruh yang berkaitan bagi menambahbaik pelaksanaan industri penjagaan di negara ini.

3. Kerajaan telah membangunkan Dasar dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara bagi memandu prinsip dan perancangan terhadap golongan warga emas. Selain itu, kerajaan menerusi Kementerian Ekonomi sedang membangunkan Rangka Tindakan Penuaan Kebangsaan bagi memberi perhatian terhadap cabaran Malaysia menuju negara menua.

4. Dalam pada itu, KPWKM berpegang dengan pendirian bahawa penjagaan terbaik kepada warga emas adalah bersama keluarga. Oleh itu, KPWKM sentiasa memberi penekanan kepada prinsip Penjagaan Berasaskan Keluarga dan menerapkan konsep Penuaan Setempat. Melalui Dasar Warga Emas Negara, kerajaan melaksanakan usaha untuk memberi sokongan kepada keluarga dan masyarakat untuk menjaga ibu bapa mereka yang sudah berumur di tempat yang selesa bagi menyumbang kepada peningkatan kualiti hidup warga emas. Antara inisiatif yang dilaksanakan oleh KPWKM dalam hal ini termasuklah:

- (i) Menyediakan bantuan kewangan seperti Bantuan Warga Emas (BWE) dan Bantuan Penjagaan Pesakit Kronik Terlantar (BPT) kepada yang layak dengan objektif untuk membantu mengekalkan mereka bersama keluarga;
- (ii) menyediakan Program Khidmat Bantu Di Rumah (KBDR). Bagi membantu warga emas yang hidup bersendirian di rumah; dan
- (iii) Menyediakan perkhidmatan jagaan di institusi yang memberikan perkhidmatan perlindungan, pemulihan dan pembangunan seperti Rumah Seri Kenangan (RSK) dan Rumah Ehsan (RE);

5. Pembangunan industri penjagaan yang baik memerlukan peranan yang dimainkan oleh semua pihak. Justeru, KPWKM sentiasa mengalu-alukan kerjasama daripada semua pihak dalam usaha memperkasa industri ini terutamanya dalam mendepani cabaran negara menua.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' VERDON BIN BAHANDA
[KUDAT]**

TARIKH : 14 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATO' VERDON BIN BAHANDA [KUDAT] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan pendirian Kerajaan dalam konflik tuntutan di Laut China Selatan. Kedudukan Parlimen Kudat dalam geografi dan sebahagian daripada wilayah Kudat berhadapan dengan Laut China Selatan menjadikan ianya penting dari segi geopolitik dan ekonomi untuk mengekalkan keselamatan di kawasan perairan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kudat atas pertanyaan yang dikemukakan, dan di atas keprihatinan yang diberikan terhadap isu-isu di bawah seliaan Kementerian Luar Negeri, terutamanya isu-isu yang berkaitan dengan Laut China Selatan.

2. Sepertimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, Kerajaan sentiasa memberikan perhatian kepada isu di Laut China Selatan.

3. Pendirian Malaysia berhubung isu Laut China Selatan adalah jelas dan konsisten. Semua pertikaian dan penyelesaian isu-isu berhubung Laut China Selatan hendaklah berdasarkan undang-undang antarabangsa termasuklah Konvensyen Undang-Undang Laut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 1982, atau dengan izin, *United Nations Convention on the Law of the Sea 1982 (UNCLOS 1982)*.

4. Di dalam konteks pengendalian isu Laut China Selatan, saya ingin menegaskan bahawa kedaulatan dan kepentingan negara sentiasa dijadikan teras utama di dalam setiap tindakan yang diambil. Sepertimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, isu berkaitan Laut China Selatan merupakan isu yang kompleks dan sensitif. Oleh yang demikian, isu ini perlu dikendalikan secara berhati-hati, teliti dan menyeluruh. Setiap tindakan yang diambil oleh Kerajaan adalah berdasarkan pertimbangan yang komprehensif tanpa mengenyepikan kedaulatan, hak kedaulatan dan kepentingan negara.

5. Sebagai Pengerusi ASEAN pada tahun 2025 dan Negara Penyelaras Hubungan Dialog ASEAN-China untuk tempoh tiga (3) tahun dari Ogos 2024 hingga Julai 2027, Malaysia komited untuk menyelesaikan isu-isu berkaitan Laut China Selatan secara konstruktif, dengan menggunakan forum dan saluran diplomatik yang sesuai. Malaysia akan terus menyuarakan pendirian tegas berhubung isu Laut

SOALAN NO : 47

China Selatan di pelbagai platform bagi memastikan kedaulatan, hak kedaulatan dan kepentingan negara akan terus kekal terpelihara.

Sekian, terima kasih.